

rasional kulit luar

Berada dalam persekitaran yang semakin bersaing seperti yang kami alami, kami turut kekal berusaha gigih menyedai penyelesaian pencetakan yang inovasi, canggih dan tokok nilai kepada pelanggan kami. Kami tetap menerajui dalam industri dari segi teknik terancang dan rekabentuk terkini di samping memastikan pelanggan maju pesat sejajar dengan perkembangan pasaran dan memberi respons menurut keperluan mereka. Kekuatan asas kami membenarkan kami bergerak maju dan menerokai sempadan baru. Usaha memperkembangkan operasi di Vietnam dan Australia dan mungkin lebih daripada itu melambangkan keinginan kami untuk meluaskan lagi kehadiran serantau. Kami berusaha menempuhi cabaran yang dihadapi dan menerajui bidang yang lain telah gagal. Di Tien Wah Press Holdings Berhad, kami menetapkan sempadan untuk prestasi unggul.

sorotan bagi tahun ini

	Tahun Berakhir 31.12.08 RM juta	Tahun Berakhir 31.12.07 RM juta	Naik/ (Turun) %
Hasil	186.0	129.7	43
Keuntungan sebelum cukai	25.1	16.7	50
Keuntungan bagi tahun ini	19.6	15.3	28
Untung yang diagihkan kepada pemegang saham syarikat	18.7	14.0	34
Dana pemegang saham	141.2	126.6	12
Pulangan bersih atas dana pemegang saham (%)	13.2	11.1	20
Perolehan bersih sesaham (sen)	27.1	20.5	32
Interim bersih dan dividen akhir sesaham (sen)	13.1	12.6	4

- Pertumbuhan utama didorong oleh pemerolehan asing dan inisiatif pengurangan kos
- Pemerolehan operasi Australia Anzpac Services (Australia) Pty Limited
- Bidaan berjaya iaitu satu perjanjian eksklusif 7+3 tahun untuk membekalkan karton bercetak keperluan British American Tobacco di beberapa lokasi di rantau Asia Pasifik.
- Pelupusan 51% anak syarikat milikan, Paper Base Converting Sdn Bhd kepada pemegang saham utama kami.

Kandungan

123. Kalender Kewangan	PEMIMPINAN	PENYATA KEWANGAN 2008
124. Anugerah & Penghargaan	137. Profil Lembaga Pengarah	176. Laporan Pengarah
125. Pernyataan Visi dan Misi Korporat	140. Profil Ahli EXCO	182. Kunci Kira-kira
126. Notis Mesyuarat Agung Tahunan	142. Pernyataan Pengerusi	183. Penyata Pendapatan
127. Pernyataan Berserta Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-empatbelas	144. Tinjauan Operasi Perniagaan	184. Penyata Perubahan Ekuiti
KORPORAT	TADBIR URUS KORPORAT	185. Penyata Aliran Tunai
129. Maklumat Korporat	149. Pernyataan Tadbir Urus Korporat	188. Nota bagi Penyata Kewangan
130. Struktur Korporat Kumpulan	157. Pernyataan Kawalan Dalaman	229. Penyata oleh Para Pengarah
131. Profil Korporat	159. Informasi Kepatuhan Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Sekuriti	230. Akuan Berkanun
SOROTAN KEWANGAN	163. Laporan Jawatankuasa Audit	231. Laporan Juruaudit Bebas kepada Ahli-Ahli Tien Wah Press Holdings Berhad
132. Ringkasan Kewangan Lima Tahun Kumpulan	PERSEKITARAN BERSIFAT PRIHATIN	LAIN-LAIN MAKLUMAT
134. Maklumat Pelabur	169. Tanggungjawab Sosial Korporat	233. Analisis Pemegangan Saham
	173. Pembangunan Sumber Manusia	236. Senarai Hartanah milik Kumpulan Tien Wah Press Borang Proksi

Kalender Kewangan

Tahun Kewangan 2008	1 Januari ke 31 Disember
PENGUMUMAN PENCAPAIAN	
Laporan Suku Pertama Pencapaian kumpulan tidak beraudit yang disatukan bagi suku tahun berakhir 31 Mac 2008	Rabu, 7 Mei 2008
Laporan Suku Kedua Pencapaian kumpulan tidak beraudit yang disatukan bagi suku tahun berakhir 30 Jun 2008	Rabu, 6 Ogos 2008
Laporan Suku Ketiga Pencapaian kumpulan tidak beraudit yang disatukan bagi suku tahun berakhir 30 September 2008	Selasa, 11 November 2008
Laporan Suku Keempat Pencapaian kumpulan tidak beraudit yang disatukan bagi suku tahun berakhir 31 Disember 2008	Selasa, 24 Februari 2009
DIVIDEND	
Dividen Interim Dikecualikan cukai sebanyak 6% bagi setiap saham biasa Tarikh kelayakan Tarikh pembayaran	Khamis, 28 Ogos 2008 Isnin, 8 September 2008
Dividen Akhir Dicadangkan 9.4% bagi setiap saham biasa ditolak cukai sebanyak 25% Tarikh kelayakan Tarikh amaun perlu dibayar	Rabu, 17 Jun 2009 Khamis, 25 Jun 2009
LAPORAN TAHUNAN DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN	
Laporan Tahunan 2008 Tarikh penerbitan	Jumaat, 22 Mei 2009
Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14 Tarikh notis Tarikh mesyuarat	Jumaat, 22 Mei 2009 Isnin, 15 Jun 2009

anugerah dan penghargaan

penganugerahan pencapaian TWP

1998 – ANUGERAH NACRA

Kecemerlangan Industri
Sektor Produk Perindustrian
(Papan Ke-2)

1999 – ANUGERAH NACRA

Kecemerlangan Industri
Sektor Produk Perindustrian
(Papan Ke-2)

2000 – ANUGERAH NACRA

Kecemerlangan Industri
Sektor Produk Perindustrian
(Papan Ke-2)

2001 – ANUGERAH NACRA

Kecemerlangan Industri
Sektor Produk Perindustrian
(Papan Ke-2)

2003 – ANUGERAH SEKTOR KORPORAT KLSE

Perindustrian (Papan Ke-2)

2004 – ANUGERAH NACRA

Kecemerlangan Industri
Sektor Produk Perindustrian
(Papan Ke-2)

2005 – ANUGERAH NACRA

Kecemerlangan Industri
Sektor Produk Perindustrian
(Papan Ke-2)

2006 – ANUGERAH NACRA

Kecemerlangan Industri
Sektor Produk Perindustrian
(Papan Ke-2)

2007 – ANUGERAH NACRA

Kecemerlangan Industri
Sektor Produk Perindustrian
(Papan Ke-2)

pernyataan visi and misi korporat



Teras Pengurusan Kualiti Menyeluruh melahirkan
Warga Kerja yang saling bermuafakat untuk merealisasi
Pencapaian Keuntungan & Produktiviti yang lebih tinggi

Visi Korporat

Menjadi Syarikat Berjaya dalam menyediakan Penyelesaian dan Perkhidmatan kepada pelanggan dalam Industri Pemindahan Imej.

Pernyataan Misi Korporat

Untuk memaksimumkan Nilai Pemegang Berkepentingan melalui:-

- Tumpuan pada kemajuan berterusan dalam penyediaan penyelesaian dan operasi yang terunggul dalam memenuhi keperluan pelanggan dan berkembang bersama.
- Mengendalikan perniagaan dalam persekitaran yang sihat lagi selamat dan mematuhi undang-undang.
- Memupuk budaya pencapaian.
- Daya inovasi yang berterusan dengan penghasilan produk-produk baru dan perniagaan-perniagaan baru.

notis mesyuarat agung tahunan

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan yang Ke-empatbelas Syarikat akan diadakan di Nakhoda 1, Tingkat 3, Armada Hotel, Lorong Utara C, Section 52, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan pada hari Isnin, 15 Jun 2009 pukul 10.00 pagi untuk melaksanakan urusan-urusan berikut:-

AGENDA

Sebagai Urusan Biasa

- Untuk menerima dan meluluskan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 bersama dengan Laporan Para Pengarah dan Juruaudit.
Resolusi biasa 1
- Untuk mengumumkan dividen akhir sebanyak 9.4 sen kasar sesaham ditolak cukai sebanyak 25% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.
Resolusi biasa 2
- Untuk memilih semula En Tung Kum Hon yang akan bersara menurut Artikel 93 Tataurusan Pertubuhan Syarikat.
Resolusi biasa 3
- Untuk melantik semula Mej Jen (B) Dato' Mohamed Dahalan Bin Sulaiman yang akan bersara menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965.
Resolusi biasa 4
- Untuk melantik semula En Goh Seng Chuan yang akan bersara menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965
Resolusi biasa 5
- Untuk melantik semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat dan memberikan kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka.
Resolusi biasa 6

Sebagai Urusan Khas

Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan wajar, meluluskan Resolusi yang berikut:

- Cadangan Ratifikasi Pemegang Saham bagi Transaksi Berulangan Parti Berkaitan Bersifat Pendapatan atau Perdagangan ("Cadangan Ratifikasi Pemegang Saham")**
Resolusi biasa 7

"Iaitu semua transaksi berulangan parti berkaitan yang dimasuki oleh Syarikat and anak syarikatnya dengan Kumpulan NTIH dari Julai 2008 sehingga tarikh AGM Ke-empat belas (Ke-14) ini seperti yang dibentangkan di Seksyen 2.3.1 Surat Pekeliling kepada Pemegang Saham yang bertarikh 22 Mei 2009 yang diperlukan bagi operasi harian dan dilaksanakan dalam urusan perniagaan biasa dengan terma yang tidak lebih memanfaatkan parti berkaitan berbanding dengan yang diberi kepada awam dan tidak menjejaskan pemegang saham minoriti Syarikat dengan ini diluluskan dan diratifikasikan."

- Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham bagi Transaksi Berulangan Parti Berkaitan Bersifat Pendapatan atau Perdagangan. ("Cadangan Mandat Pemegang Saham")**
Resolusi biasa 8

"Iaitu, tertakluk kepada perenggan 10.09 Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Sekuriti Berhad, ("Bursa Sekuriti"), Syarikat dan subsidiarinya ("Kumpulan TWPH") dibenarkan untuk memasuki transaksi berulangan bersifat pendapatan atau perdagangan seperti yang ditetapkan di Seksyen 2.3.2 Surat Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 22 Mei 2009 dengan parti berkaitan yang disebutkan untuk operasi harian Kumpulan TWPH, tertakluk kepada yang berikut:

- transaksi adalah untuk urusan perniagaan biasa dengan terma komersial biasa dan tidak memberi kelebihan kepada pihak berkaitan berbanding dengan yang diberi kepada awam dan tidak menjejaskan pemegang saham minoriti Syarikat; dan
- pendedahan nilai agregat transaksi Cadangan Mandat Pemegang Saham yang dilaksanakan semasa tahun kewangan akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan bagi tahun kewangan tersebut,

DAN kelulusan sedemikian akan berkuat kuasa sehingga:-

- selesai Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Syarikat yang akan datang, dimana ia akan tamat, kecuali dengan resolusi yang diluluskan di Mesyuarat, kebenaran diperbaharui.
- tempoh bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang menurut Seksyen 143(1) Akta Syarikat, 1965 ("Akta") (tetapi ia tidak merangkumi tempoh tambahan diberi menurut Seksyen 143(2) Akta); atau
- dibatalkan atau diubah oleh Syarikat di mesyuarat agung, yang mana lebih awal.

DAN TAMBAHAN para Pengarah Syarikat dengan ini diberi kuasa untuk menyempurnakan dan melaksanakan semua tindakan dan perkara yang difikirkan perlu atau sesuai agar menguatkuasakan Cadangan Mandat Pemegang Saham ."

NOTIS PEMBAYARAN DIVIDEN

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA, tertakluk kepada kelulusan pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan Keempatbelas, dividen akhir 9.4 sen kasar sesaham ditolak cukai sebanyak 25% bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2008, akan dibayar kepada pemegang saham pada 25 Jun 2009. Tarikh kelayakan dividen ditentukan pada 17 Jun 2009.

Seorang Pendeposit layak menerima Dividen hanya dari segi: -

- Saham yang dipindahkan kepada akaun sekuriti Pendeposit sebelum pukul 5.00 petang pada 17 Jun 2009 berhubungan dengan pemindahan.
- Saham dibeli di Bursa Malaysia Sekuriti Berhad berasaskan merangkap kelayakan menurut Peraturan Bursa Malaysia Sekuriti Berhad.

MENURUT PERINTAH LEMBAGA
TAI YIT CHAN (MAICSA 7009143)
LIEW IRENE (MAICSA 7022609)
Setiausaha

Tarikh: 22 Mei 2009

Nota:

- Ahli yang layak menghadiri dan mengundi di mesyuarat, berhak melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Proksi berkenaan tidak semestinya seorang ahli Syarikat dan mana-mana ahli boleh melantik sesiapa untuk menjadi proksinya, tanpa sebarang sekatan dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta tidak berkenaan bagi Syarikat.
- Seseorang ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua proksi untuk hadir dan mengundi di mesyuarat yang sama dan sekiranya berlaku seseorang ahli telah melantik dua orang proksi, pelantikan tersebut akan menjadi tidak sah melainkan beliau menyatakan bahagian jumlah pegangannya yang akan diwakili oleh setiap proksi.
- Instrumen pelantikan proksi mesti disediakan secara bertulis oleh pelantik atau peguam yang diberi kuasa olehnya secara bertulis atau, jika pihak pelantik adalah sebuah perbadanan, borang proksi hendaklah disahkan dengan cop meterai atau bawah tangan pegawai atau peguam yang diberi kuasa.
- Instrumen pelantikan proksi, dengan surat kuasa peguaman atau kuasa lain (jika ada) yang ditandatangani atau disah benar atau salinan pejabat surat kuasa sedemikian mesti dihantar kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Lot 6.05, Aras 6, KPMG Tower, 8 First Avenue, Bandar Utama, 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, tidak kurang daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum waktu mesyuarat atau sebarang penangguhannya.
- Resolusi Biasa 7 dan 8 mengenai Cadangan Ratifikasi Pemegang Saham dan Cadangan Mandat Pemegang Saham.
 - Nota penjelasan mengenai Resolusi Biasa 7 dan 8 dibentangkan dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 22 Mei 2009.

pernyataan berserta notis mesyuarat agung tahunan ke-empatbelas

menurut Perenggan 8.28(2) Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad yang berkaitan adalah:-

1. Butir-butir para Pengarah yang memohon pemilihan semula dan pelantikan semula

- (i) Pengarah yang bertanding semula menurut Artikel 93 Tataurus Pertubuhan Syarikat dan memohon untuk pemilihan semula adalah seperti berikut:-
- En Tung Kum Hon
- (ii) Para Pengarah yang bertanding semula menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 dan memohon untuk pelantikan semula adalah seperti berikut:-
- a) Mej Jen (B) Dato' Mohamed Dahalan Bin Sulaiman
 - b) En Goh Seng Chuan

Butiran mengenai para pengarah yang bertanding semula agar dipilih semula dan dilantik semula dinyatakan seperti berikut:-

Nama	Tung Kum Hon	Mej Jen (B) Dato' Mohamed Dahalan Bin Sulaiman	En. Goh Seng Chuan
Umur	50	71	73
Kewarganegaraan	Malaysia	Malaysia	Malaysia
Kelayakan	- Akauntan Berkanun yang Bertauliah - Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia - Ahli Institut Akauntan Malaysia	- Sijil Sekolah Cambridge	- Diploma dalam Kejuruteraan Kimia - Diploma Kimia Gunaan - Ahli Institut Kimia Diraja Australia
Kedudukan Lembaga Pengarah	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Tarikh kali pertama dilantik ke Lembaga Pengarah	20 November 2006	3 Mei 1996	12 Jun 2007
Bilangan mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadiri pada tahun kewangan ini	3 (tiga)	9 (sembilan)	9 (sembilan)
Keahlian Jawatankuasa Lembaga	Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan ahli Jawatankuasa Audit dan Pelaburan dan Kewangan	Ahli Jawatankuasa Ganjaran	Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Ganjaran dan ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Risiko
Pekerjaan	Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Shanghai Asia Holdings Limited	Pengarah Syarikat	Pengarah Syarikat
Pengalaman Kerja	- 15 tahun pengalaman di PricewaterhouseCoopers dan KPMG - Ketua Pegawai Operasi Bintang Melewar Group of Companies - Timbalan Presiden Kanan Kewangan Korporat dan Pembangunan New Toyo International Holdings Ltd ("NTIH") - Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif NTIH	- Angkatan Tentera dan Kementerian Pertahanan - Pengurus Besar di Rentak Gagah Security Services Sdn Bhd	- Pengarah Eksekutif BP Malaysia - Pengarah Urusan Toyoma Aluminium Foil Packaging Sdn Bhd - Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia
Menyandang jawatan pengarah lembaga lain di mana-mana syarikat awam	tiada	tiada	tiada
Kepentingan dalam sekuriti Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWPH") dan subsidiarinya	tiada	tiada	tiada
Pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama TWPH	tiada	tiada	tiada
Apa-apa konflik kepentingan dengan TWPH	tiada	tiada	tiada
Senarai kesabitan dengan apa-apa kesalahan, selain kesalahan lalu lintas, dalam tempoh 10 tahun yang lepas, jika ada	tiada	tiada	tiada



innouasi

Memahami keperluan pasaran dan memainkan peranan aktif ketampilan yang membezakan kami daripada yang lain.

maklumat Korporat

LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi Eksekutif
TENGGU TAN SRI DR. MAHALEEL BIN TENGGU ARIFF

Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif
GARY YEN

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
LT JEN (B) DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN HASSAN

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
DATO' LARRY GAN NYAP LIOU @ GAN NYAP LIOU

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
GOH SENG CHUAN

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
MEJ JEN (B) DATUK ABDUL KADIR BIN NORDIN

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
MEJ JEN (B) DATO' MOHAMED DAHALAN BIN SULAIMAN

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
TUNG KUM HON

SETIAUSAHA SYARIKAT

TAI YIT CHAN (Cik)
MAICSA 7009143

LIEW IRENE (Cik)
MAICSA 7022609
Tel : 03-7720 1188

PEJABAT BERDAFTAR

Lot 6.05, Aras 6
KPMG Tower
8, First Avenue, Bandar Utama
47800 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-7720 1188
Faks : 03-7720 1111

PENDAFTAR SAHAM

TENAGA KOPERAT SDN BHD
Aras 17, The Gardens North Tower
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 03-2264 3883
Faks : 03-2282 1886

JURUAUDIT

KPMG
Akauntan Berkanun
Aras 10, KPMG Tower
8, First Avenue, Bandar Utama
47800 Petaling Jaya, Malaysia
Tel : 03-7721 3388
Faks : 03-7721 3399

JURUBANK UTAMA

OCBC BANK (MALAYSIA) BERHAD
HSBC BANK MALAYSIA BERHAD
PUBLIC BANK BERHAD
AFFIN BANK BERHAD

PEJABAT UTAMA

IBU PEJABAT

TIEN WAH PRESS HOLDINGS BERHAD
9, Jalan Semangat
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7956 3866, 7955 6233
Faks : 03-7956 1228
www.tienwah.com

SYARIKAT SUBSIDIARI

TIEN WAH PRESS (MALAYA) SDN BHD
(3850-D)
TIEN WAH PROPERTIES SDN BHD
(428504-A)
9 & 11 Jalan Semangat
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7956 3866, 7955 6233
Faks : 03-7956 1228, 7956 6925
(Jualan)
E-mail: sales@tienwah.com

ALLIANCE PRINT TECHNOLOGIES
CO LTD (125/GP-KCN-VS)
38, Huu Nghi Street
Vietnam Singapore Industrial Park
Thuan An District,
Binh Duong Province, Vietnam
Tel : (84-650) 3767194, 3767195
Faks : (84-650) 3767089, 3767459
E-mail: mai_apt@tienwah.com

ANZPAC SERVICES (AUSTRALIA)
PTY LIMITED (ABN 25 000 032 164)
32 Britton Street, Smithfield
New South Wales 2164, Australia
Tel : 61-2-8787 1305, 8787 1315
Faks : 61-2-9757 1599
E-mail: glenn.brailey@newtoyo.com
www.anzpac.com.au

SYARIKAT BERSEKUTU

BENKERT (MALAYSIA) SDN BHD
(438453-M)
15, Jalan Industri PBP 3
Taman Industri
Pusat Bandar Puchong
47100 Puchong
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5882 4010
Faks : 03-5882 4020
E-mail: gtlm@benkert.com.my
www.benkert.com.my

PENYENARAIAH BURSA SAHAM

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD
Papan utama
(Disenaraikan sejak 2 Ogos 1996,
dipindahkan ke Papan utama sejak
8 Oktober 2007)

struktur korporat kumpulan

pada 22 Mei 2009



Tien Wah Press Holdings Berhad

(No. Syarikat: 340434-K)

Syarikat pemegang pelaburan
Ditubuhkan pada 15 April 1995

<p>Tien Wah Press (Malaya) Sdn Bhd (No. Syarikat: 3850-D) Ekuiti 100%</p>	<p>Tien Wah Properties Sdn Bhd (No. Syarikat: 428504-A) Ekuiti 100%</p>	<p>New Toyo Investments Pte Ltd (No. Syarikat: 199600807W) Ekuiti 100%</p>	<p>Max Ease International Limited (No. Syarikat: 1250981) Ekuiti 51%</p>	<p>Benkert (Malaysia) Sdn Bhd (No. Syarikat: 438453-M) Ekuiti 30%</p>	
<p>Pencetakan rotogravur dengan pengkhususan dalam karton rokok dan pembungkusan barangan pengguna dan pencetakan fotolitografi dengan pengkhususan dalam karton dan label bungkusan dan bahan pengiklanan.</p> <p>Memulakan perniagaan pada Oktober 1961.</p>	<p>Pemegangan harta pelaburan.</p> <p>Memulakan perniagaan pada April 2004.</p>	<p>Syarikat pemegang pelaburan.</p> <p>Ditubuhkan pada 1 Februari 1996.</p>	<p>Pemegangan pelaburan, penjualan, sub-kontrak dan pemberian lesen bagi pengilangan, pencetakan dan penjualan karton lipat bercetak dan bungkusan produk tembakau.</p> <p>Memulakan perniagaan pada November 2008.</p>	<p>Pengilangan dan penjualan kertas standard dan rokok bertebuk.</p> <p>Memulakan perniagaan pada Ogos 1997.</p>	
		<p>Alliance Print Technologies Co. Ltd (No. Syarikat: 125/GP-KCN-VS) Ekuiti 100%</p>	<p>Anzpac Services (Australia) Pty Ltd (No. Syarikat: ABN 25000032164) Ekuiti 100%</p>		
		<p>Peruntukan perkhidmatan pencetakan bagi bungkusan tembakau dan perkhidmatan pembungkusan secara am.</p> <p>Memulakan perniagaan pada Januari 2006.</p>	<p>Peruntukan perkhidmatan pencetakan bagi bungkusan tembakau dan perkhidmatan pembungkusan secara am.</p> <p>Memulakan perniagaan pada 1936.</p>		

profil korporat

Penubuhan dan Aktiviti-Aktiviti Utama

Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWPH") ditubuhkan di Malaysia pada 15 April 1995 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad dan ditukar menjadi sebuah syarikat awam pada 13 Jun 1995. Syarikat ini tersenarai pada Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur pada 2 Ogos 1996 dan migrasi ke Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 8 Oktober 2007. Aktiviti utama Syarikat ialah pemegang pelaburan sementara aktiviti subsidiari dan syarikat bersekutunya adalah pencetakan rotogravur, pencetakan fotolitografi dan pencetakan bahan-bahan pengkal/hujung untuk kegunaan penapis rokok.

Latar Belakang dan Gambaran Menyeluruh Perniagaan

Operasi Kumpulan TWP bermula dengan penubuhan Tien Wah Press (M) Sdn Bhd ("TWPM") pada 20 Julai 1960 dengan jumlah tenaga kerja seramai 78 pekerja terlibat pada permulaannya dalam operasi pencetakan fotolitografi dengan pengkhususan dalam pencetakan buku dan pertukaran karton berlipat. Dirangsang oleh perkembangan perniagaan yang pesat, TWPM menerokai teknologi pencetakan rotogravur pada tahun 1986 untuk memenuhi permintaan yang kian meningkat bagi karton rokok pada tahun 1989, selanjutnya syarikat ini juga telah menerokai pencetakan kertas hujung rokok yang bertebuk bagi turas rokok.

Sejak penyenaaraiannya pada tahun 1996, pembangunan Kumpulan TWP semakin pesat dengan penubuhan syarikat-syarikat usaha sama; Benkert (M) Sdn Bhd ("Benkert") pada tahun 1998 dan Paper Base Converting Sdn Bhd ("PBC") pada tahun 1999. Benkert beroperasi sebagai seorang ahli Kumpulan Benkert International yang merupakan pembekal utama kertas rokok bertebuk dicetak gravur bagi pengilang rokok global. PBC mengeluarkan kertas bersalut kerajang aluminium dan kertas bagi pembungkusan rokok dan penggunaan lain seperti pembungkusan minuman arak dan kosmetik. PBC telah dijual kepada New Toyo Lamination (M) Pte Ltd, yang dianggap satu pemegang saham utama TWPH, pada 4 Disember 2008.

Pada 2007, Kumpulan telah menyempurnakan pengambilalihan subsidiari milikan penuh, New Toyo Investments Pte Ltd ("NTIV") daripada New Toyo International Holdings Ltd, pemegang saham mutlak TWPH. NTIV adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan yang memiliki 100% Alliance Print Technologies Co. Ltd. ("APT") di Vietnam. Pengambilalihan ini telah membolehkan Kumpulan TWP menerokai negara Vietnam, suatu pasaran di Asia Tenggara dengan pertumbuhan yang kukuh, rejim cukai yang menarik serta persekitaran kos pengeluaran yang rendah.

Pada 8 September 2008, TWPH mengambilalih Max Ease International Limited ("MEIL"), sebuah syarikat ditubuhkan dan beralamat di Kawasan Pentadbiran Khas Hong Kong Republik Rakyat China, dan ditukar kepada syarikat usaha sama dengan NTIH. Melalui MEIL, Kumpulan TWP memperkembangkan operasinya di rantau Australasia dengan memperoleh Anzpac Services (Australia) Pty Ltd ("Anzpac"), yang bertapak di Sydney, Australia. Pengambilalihan Anzpac sempurna dilaksanakan pada 31 Oktober 2008.

Operasi pengilangan Kumpulan TWP kini bertapak di kilang-kilang terletak di Petaling Jaya dan Puchong di Malaysia, Taman Perindustrian Vietnam Singapura di Bandar Raya Ho Chi Minh, Vietnam, dan Smithfield, Sydney, Australia. TWP mempunyai reputasi sebagai syarikat pencetakan bungkusan berkualiti tinggi dengan penawaran barang-barang berkualiti baik dengan mengguna teknologi pencetakan yang terkini. Dari segi bahagian pasaran, Kumpulan TWP merupakan salah sebuah daripada 5 pencetak terunggul di negara dan peneroka utama di Asia Tenggara dan Australasia. Disokong oleh pekerja seramai lebih kurang 600 orang, Kumpulan TWP akan terus memberikan tumpuan dalam membangunkan daya saingan utamanya dan menyatupadukan kekuatannya agar membolehkan kami mengekalkan penerajuan dalam industri tempatan mahupun secara global.







Kumpulan TWP yang ditubuhkan sejak lebih empat dekad yang lalu atas dasar kedudukan kewangan yang kukuh, tenaga kerja yang berdedikasi dan meliputi pasaran yang meluas, berpegang teguh untuk terus menawarkan produk-produk dan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggannya.

ringkasan kewangan

kumpulan lima tahun

	2008	2007	2006	2005	2004
		Dinyata semula		Dinyata semula	
KEUNTUNGAN					
Penyata pendapatan yang disatukan bagi tahun yang berakhir pada 31 Disember (RM'000)					
Hasil	186,059	129,633	115,814	113,769	114,148
Kos penjualan	143,259	101,163	91,979	89,846	92,681
Keuntungan operasi	24,056	16,003	13,603	15,573	12,788
Keuntung sebelum cukai	25,076	16,662	13,926	16,272	14,212
Keuntung bersih yang diagihkan kepada pemegang saham syarikat	18,705	14,056	8,437	10,936	9,386
DATA KUNCI KIRA-KIRA UTAMA					
Kunci kira-kira yang disatukan pada 31 Disember (RM'000)					
Modal Saham	68,925	68,807	45,637	45,362	45,113
Dana Pemegang Saham	141,170	126,608	119,227	120,206	115,747
Aset tak ketara	54,176	14,975	-	-	-
Harta, loji dan peralatan termasuk bayaran pajakan prabayar	208,711	117,466	78,193	60,461	65,743
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	6,006	5,166	4,507	4,184	3,485
Lain-lain aset bukan semasa	243	591	-	-	-
Aset semasa	115,571	63,668	74,182	84,122	80,937
Jumlah aset	384,707	201,866	156,882	148,767	150,165
Liabiliti bukan semasa	149,502	22,083	11,017	10,255	9,308
Liabiliti semasa	90,803	48,868	15,731	7,959	14,954
Jumlah liabiliti	240,305	70,951	26,748	18,214	24,262
Jumlah peminjaman (jangka panjang dan jangka pendek)	159,453	24,605	1,245	-	6,841
MAKLUMAT SAHAM					
Perolehan kasar sesaham (sen)	36.4	24.2	30.5	35.9	31.5
Perolehan bersih sesaham (sen)	27.1	20.4	18.5	24.1	20.8
Sokongan aset bersih sesaham (RM)	2.05	1.84	2.61	2.65	2.57
Dividen – bersih (sen)	13.1	12.6	15.0	12.0	15.0
Harga saham pada 31 Disember (RM)	1.20	1.42	1.87	1.82	2.49
NISBAH KEWANGAN					
Pulangan atas hasil (%)	10.0	10.8	7.3	9.6	8.2
Pulangan atas modal berbayar (%)	27.1	20.4	18.5	24.1	20.8
Pulangan atas dana pemegang saham (%)	13.2	11.1	7.1	9.1	8.1
Penggearing (peminjaman bersih kepada dana pemegang saham) - kali	0.88	0.19	0.01	-	0.06

ringkasan kewangan kumpulan lima tahun



maklumat pelabur

Prestasi Pasaran Saham pada tahun 2008

Berpandukan prestasi pasaran saham pada suku akhir tahun 2007 yang kukuh, Indeks Komposit Kuala Lumpur ("KLCI") menokok setinggi 1,516.2 mata pada 11 Januari 2008. Walau bagaimanapun, sejak itu, KLCI turut menunjukkan satu penurunan yang stabil berkaitan dengan keadaan pasaran kewangan AS dan ekonominya pada keseluruhannya memudahkan keinginan pelabur. Kemudian, pada 10 Mac 2008, KLCI turut terjunam 9.5% ke 1,157.4 mata reaksi terhadap keputusan Pilihanraya Umum Ke-12. KLCI seterusnya kembali mencapai 1,247.5 mata pada hujung Mac 2008, iaitu menurun 13.7% bagi suku tahunan pertama tahun 2008.

Pemulihan yang bermula di pertengahan bulan Mac turut berterusan sehingga mencapai tahap tertinggi 1,300.7 mata bagi suku kedua pada 16 Mei 2008. Pada tahap ini, pasaran saham mula menunjukkan prestasi lemah berikutan terjejas oleh kesan kenaikan harga komoditi. Selain itu, inflasi terbukti menjadi satu kebimbangan utama memandangkan harga komoditi melambung naik dan seterusnya menyebabkan inflasi dari tahun ke tahun turut berganda pada bulan Jun. Oleh demikian, KLCI tutup pada 1,186.6 mata bagi suku ini.

Sentimen pasaran "bearish" (mengalami kejatuhan) masih berterusan sepanjang separuh kedua tahun 2008. Kebimbangan terhadap inflasi kekal tidak melegakan sehingga September. Pada masa yang sama, kebanyakan ekonomi Eropah mengumumkan pengecutan bagi suku kedua. Akhirnya, pada September, kegagalan beberapa institusi kewangan besar di AS turut menggemparkan seluruh pasaran kewangan global. Berhubungan dengan ini, KLCI tutup pada 1,018.7 mata bagi suku ketiga tahun 2008, menjunam jatuh 30% dari permulaan tahun ini.

Pada suku keempat, KLCI terjunam mencapai paling rendah pada 29 Oktober 2008, tutup pada 829.4 mata berekoran ekonomi di Zon Euro dan Jepun memasuki kemelesetan teknikal dan juga disebabkan AS mencatatkan pengecutan Produk Domestik Kasar ("GDP") dari suku ke suku. Di pasaran tempatan, ekonomi Malaysia telah mencatatkan GDP mengecut 11% daripada suku sebelum ini. Berikutan dengan penurunan kadar faedah dan pakej ransangan diumumkan oleh beberapa kerajaan, termasuk Malaysia, pasaran ekuiti global dan serantau beransur pulih. Berhubungan dengan ini KLCI tutup pada 876.8 mata pada tahun ini dengan catatan jumlah kerugian 568.2 mata atau 39% dari permulaan tahun.

Berhubungan dengan pandangan terhadap pasaran saham pada tahun 2009, sentimen pasaran dijangka kekal "bearish" sekurang-kurangnya separuh pertama tahun berkenaan memandangkan ekonomi global yang utama berusaha gigih untuk melepaskan diri daripada kemelesetan. Malaysia juga tidak terlepas daripada krisis ini. Peningkatan pengangguran serta jangkakan pertumbuhan GDP yang rendah bagi tahun berkenaan meletakkan tekanan lagi pada harga ekuiti. Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda yang kemerosotan ekonomi global sedang mendekati paras yang paling rendah. Jika ekonomi global dan/atau serantau berjaya berubah baik, kami mungkin dapat melihat KLCI melantun pada hujung tahun 2009.

Prestasi Harga Saham Tien Wah Press ("TWP") pada tahun 2008

Harga saham TWP semakin merosot dari RM1.42 pada permulaan tahun dan tutup pada RM1.30 pada 25 Februari 2008, mengesan penurunan KLCI. Walau bagaimanapun, berikutan dengan pengumuman hasil kewangan bagi tahun 2007 dan dividen akhir dikecualikan cukai 6 sen sesaham biasa, harga saham TWP dengan serta-mertanya naik dan tutup pada RM1.39 hari berikutan.

Dari Mac sehingga awal bulan Julai, saham TWP terus berdagang secara teguh dalam julat RM1.35 ke RM1.55 sebelum menunduk kepada tekanan pasaran dan turut merosot sehingga mencapai tahap paling rendah RM1.12 pada 16 Oktober 2008 sebelum menjadi tetap.


Harga saham TWP tutup pada RM1.20 hujung tahun, merosot RM0.22 atau 15% dari awal tahun sementara pemodal pasaran menurun RM15.0 juta atau setinggi 15.4% ke RM82.7 juta. Walaupun menghadapi keadaan sedemikian, harga saham TWP masih dapat menunjukkan prestasi lebih baik berbanding dengan KLCI. Faktor-faktor positif yang menyokong prestasi harga saham TWP adalah penilaian PE yang menarik, potensi pertumbuhan yang kuat, hasil dividen yang menarik dan sokongan aset yang tinggi.

Pada tahun ini, dividen dikecualikan cukai iaitu 6 sen sesaham biasa telah dibayar pada 26 Jun 2008 dan pada 8 September 2008. Berdasarkan harga saham tutup pada RM1.20 sesaham pada hujung tahun, ini bersamaan dengan hasil dividen 10% bagi tahun tersebut.

maklumat pelabur


	Jan	Feb	Mar	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
KLCI (mata)	1,393	1,368	1,248	1,280	1,276	1,187	1,163	1,101	1,019	864	866	877
Harga saham TWP (RM)	1.55	1.38	1.47	1.47	1.51	1.38	1.32	1.34	1.24	1.20	1.25	1.20

Harga Saham TWP dan KLCI Pada Tahun 2008



	Jan	Feb	Mar	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Tinggi (RM)	1.55	1.40	1.54	1.47	1.52	1.53	1.55	1.41	1.36	1.40	1.28	1.25
Rendah (RM)	1.31	1.25	1.35	1.39	1.47	1.36	1.20	1.29	1.16	1.12	1.15	1.18
Volum ('000)	206	205	165	194	274	251	268	2,186	278	463	259	131

Prestasi Saham TWP Pada Tahun 2008





prestasi

Mengimbangi tanggungjawab fiskal dengan dorongan berterusan agar berusaha gigih menerokai peluang “ laut biru” yang membenarkan kami memelihara keunggulan kami

profil Lembaga Pengarah

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
Pengerusi

Warganegara Malaysia, Berumur 63 tahun

Beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWPB") dan dipilih sebagai Pengerusi Eksekutif pada 20 November 2006. Beliau telah menghadiri kesemua sembilan mesyuarat lembaga yang diadakan sepanjang tahun kewangan yang ditinjau.

Beliau mempunyai latar belakang kerjaya yang merangkumi tempoh 37 tahun. Beliau memulakan kerjaya di Jabatan Penjualan dan Pemasaran, Nestlé dan seterusnya menyertai Shell Malaysia pada tahun 1974 selama 20 tahun. Beliau kemudian meninggalkan Shell Malaysia untuk menyertai New Toyo, Mofaz dan Proton. Pengalamannya selama 37 tahun merangkumi industri barangan pengguna yang kerap dibeli, makanan, bungkusan kertas, pendedaran rokok, minyak, marin, penerbangan, kereta dan motosikal. Beliau pernah menjadi wakil Malaysia di Majlis Ekonomi Asia Pasifik dan Majlis Penasihat Perniagaan Asean. Beliau kini Profesor pelawat di Fakulti Pengurusan, Universiti Sains Malaysia dan merupakan ahli Lembaga Penasihat Serantau London Business School.

Beliau lulus dengan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1970, dan mengikuti kursus dari Harvard, London School of Economics dan Manchester Business School dalam Strategi, Pemasaran dan Pengurusan Strategik.

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff menganggotai Lembaga Pengarah New Toyo International Holdings Ltd ("NTIH"), sebuah syarikat yang tersenarai pada Papan Utama Bursa Singapura, Nestlé (Malaysia) Berhad dan beberapa syarikat tidak tersenarai yang lain.

Beliau dianggap mempunyai kepentingan dalam transaksi berulang parti berkaitan ("RRPT") atas sebab beliau adalah orang yang berkait dengan NTIH, pemegang saham utama TWPB melalui pemegangan sahamnya dalam Tien Wah Holdings (1990) Sdn Bhd ("TWH1990") dan Singapore Pacific Investments Pte Ltd ("SPI").

En Gary Yen

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
Timbalan Pengerusi

Warganegara Australia, Berumur 35 tahun

Beliau dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah TWPB pada 20 November 2006. Beliau juga ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan. Beliau telah menghadiri tujuh daripada sembilan mesyuarat lembaga yang diadakan pada tahun kewangan yang ditinjau.

Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari Flinders University, South Australia. Beliau kini Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif NTIH dan juga anggota lembaga bagi Shanghai Asia Holdings Limited ("SAH"), sebuah syarikat tersenarai pada Papan Utama Bursa Saham Singapura dan juga merupakan syarikat bersekutu NTIH. Sebelum berkhidmat dengan Kumpulan NTIH, beliau adalah Pengurus Besar sebuah operasi kertas tisu di Vietnam.

En Gary Yen dianggap mempunyai kepentingan dalam RRPT atas sebab beliau adalah orang yang berkait dengan NTIH, pemegang saham utama TWPB melalui pemegangan saham dalam TWH1990 dan SPI di samping merupakan anak lelaki kepada Encik Yen Wen Hwa yang dianggap pemegang saham yang besar di TWPB melalui pemegangan sahamnya yang tidak kurang daripada 15% dalam NTIH.

Lt Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hassan

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Warganegara Malaysia, Berumur 63 tahun

Beliau dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah TWPB dan dipilih sebagai Pengerusi pada 1 November 2000. Berikutan Tawaran Pengambilalihan Mandatori Bersyarat oleh SPI (sebuah anak syarikat milikan penuh NTIH), beliau telah melepaskan kedudukannya selaku Pengerusi dan kekal sebagai pengarah bukan eksekutif bebas TWPB berkuat kuasa dari 20 November 2006. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit, Pencalonan, Ganjaran dan Skim Opsyen Saham Eksekutif ("ESOS"). Beliau telah menghadiri lapan daripada sembilan mesyuarat lembaga yang diadakan pada tahun kewangan yang ditinjau.

Beliau berpengalaman perkhidmatan ketenteraan lebih 37, selepas ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada tahun 1965, diikuti dengan latihan kadet selama dua tahun ke pangkat Leftenan Jeneral dalam pelantikan Timbalan Ketua Tentera Darat Malaysia sehingga bersara pada 14 Mac 2001. Selama itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Rejimen, Pegawai Staf, Jurulatih, Pegawai Perintah, Pengarah Artileri, Perancang Tentera, Fil Komander Briged, Divisyen dan Markas Medan. Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian dari Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lt Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hassan adalah ahli Lembaga Pengarah Hap Seng Consolidated Berhad, Nam Fatt Corporation Berhad dan beberapa syarikat tidak tersenarai yang lain.

Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Kumpulan dan tiada sebarang pertalian keluarga dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan TWP.

profil lembaga pengarah

Mej Jen (B) Datuk Abdul Kadir bin Nordin

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Warganegara Malaysia, Berumur 67 tahun

Beliau dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah TWPH pada 2 September 1999. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan dan adalah ahli Jawatankuasa Risiko. Beliau telah menghadiri lapan daripada sembilan mesyuarat lembaga yang diadakan pada tahun kewangan yang ditinjau.

Beliau telah berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia selama 34 tahun dan juga berkhidmat sebagai Pengarah Koperasi Tentera selama 6 tahun. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah Sumber Manusia di SUKOM Ninety-Eight Berhad selepas bersara dari Angkatan Tentera.

Kini, Mej Jen (B) Datuk Abdul Kadir bin Nordin menyandang jawatan pengarah di Kumpulan Syarikat-Syarikat TWPH dan syarikat-syarikat tidak tersenarai yang lain.

Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Kumpulan dan tiada sebarang pertalian keluarga dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan TWP.

Mej Jen (B) Dato' Mohamed Dahalan bin Sulaiman

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Warganegara Malaysia, Berumur 71 tahun

Beliau dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah TWPH pada 3 Mei 2006. Beliau juga ahli Jawatankuasa Ganjaran. Beliau telah menghadiri kesemua sembilan mesyuarat lembaga yang diadakan pada tahun kewangan yang ditinjau.

Beliau memiliki Sijil Sekolah Cambridge dan pernah berkhidmat bertahun-tahun dalam tentera dan Kementerian Pertahanan. Selepas bersara dari tentera pada tahun 1993, beliau memegang jawatan sebagai Pengurus Besar di Rentak Gagah Security Services Sdn Bhd sehingga tahun 1999.

Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Kumpulan dan tiada sebarang pertalian keluarga dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan TWP.

En Tung Kum Hon

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Warganegara Malaysia, Berumur 50 tahun

Beliau dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah TWPH pada 20 November 2006. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan adalah ahli Jawatankuasa Audit serta Pelaburan dan Kewangan. Beliau telah menghadiri tiga daripada sembilan mesyuarat lembaga yang diadakan pada tahun kewangan yang ditinjau.

Beliau adalah seorang Akauntan Berkanun dan merupakan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia.

En Tung kini adalah Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan SAH. Beliau mempunyai pengalaman bekerja lebih 15 tahun dalam perakaunan awam, perkhidmatan nasihat perniagaan dan kewangan korporat, dengan PricewaterhouseCoopers dan KPMG. Beliau pernah menjadi Ketua Pegawai Operasi Bintang Melewar Group of Companies, Naib Presiden Kanan Kewangan Korporat dan Pembangunan NTIH dan Penolong Khas kepada Pengerusi Eksekutif NTIH.

Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Kumpulan dan tiada sebarang pertalian keluarga dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan TWP.

profil lembaga pengarah

En Goh Seng Chuan

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Warganegara Malaysia, Berumur 73 tahun

Beliau dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah TWPH pada 12 Jun 2007. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Ganjaran dan adalah ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Risiko. Beliau telah menghadiri kesemua sembilan mesyuarat yang diadakan bagi tahun kewangan yang ditinjau.

Beliau memiliki diploma dalam Kejuruteraan Kimia, diploma dalam Kimia Gunaan dan adalah ahli Institut Kimia Diraja Australia. Seorang bekas ahli Institut Petroleum, beliau bersara dari industri minyak pada tahun 1994, selepas bekerja lebih 32 tahun dengan BP Malaysia dalam sektor hiliran, di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Beliau dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah BP Malaysia pada tahun 1985 selaku Pengarah Pemasaran sebelum bersara sebagai Pengarah Eksekutif bagi Perniagaan Komersialnya. Beliau kemudian menyertai Toyoma Aluminium Foil Packaging Sdn Bhd, sebuah syarikat pengilangan produk kertas sebagai Pengarah Urusan dan bersara pada tahun 2001.

Beliau mengetuai Yayasan Buah Pinggang Malaysia selaku Ketua Pegawai Eksekutif dari tahun 2002 ke tahun 2007. Beliau pernah dipilih sebagai ahli majlis Persekutuan Majikan Malaysia dan bekas pengerusi/penyampai Jawatankuasa Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia.

Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Kumpulan dan tiada sebarang pertalian keluarga dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan TWP.

Dato' Larry Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Warganegara Malaysia, Berumur 54 tahun

Beliau dilantik sebagai anggota Lembaga Pengarah TWPH pada 20 November 2006. Beliau juga menyandang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Risiko. Beliau telah menghadiri enam daripada sembilan mesyuarat lembaga yang diadakan pada tahun kewangan yang ditinjau.

Beliau seorang Akauntan Berkanun dan Perunding Pengurusan Bertauliah.

Dato' Gan pernah berkhidmat di Accenture, sebuah firma perunding pengurusan teknologi global selama 26 tahun sehingga beliau bersara pada bulan Disember 2004. Beliau telah jadi rakan kongsi sedunia selama 16 tahun dan pernah memegang pelbagai peranan peneraju global termasuk Rakan Pengurusan Asia dan Rakan Pengurusan, Pembangunan Korporat dan Usaha Teknologi Accenture, Asia Pasifik.

Dato' Gan kini menyandang jawatan Pengerusi Redtone International Berhad dan Cuscap Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Datascan Berhad). Beliau juga menganggotai Lembaga AmBank (M) Berhad, AmIslamic Bank Berhad, AMDB Berhad, Tanjong Public Limited Company, Saujana Resort (M) Berhad dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (Minority Shareholder Watchdog Group) dan syarikat-syarikat tidak tersenarai yang lain.

Beliau pernah merupakan Pengerusi Persatuan Industri Komputer (PIKOM) dan Naib Presiden Association of Asian Oceania Computer Industry Organisation, dan juga ahli "Think Tank" Kementerian Sains dan Teknologi, Copyright Tribunal, The Labuan International Financial Exchange Committee, Malaysia US Business Council dan Lembaga MIMOS Berhad (syarikat penyelidikan teknologi Kerajaan Malaysia).

Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Kumpulan dan tiada sebarang pertalian keluarga dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan TWP.

profil ahli EXCO

En Mark Stanley Mitchell

Ketua Perniagaan, Kotak Bercetak dan Label
Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWPH")

Warganegara Australia, Berumur 57 tahun

En Mitchell memiliki Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dari University of Newcastle, New South Wales ("NSW"), Australia.

Beliau pernah memegang jawatan pengurusan kanan dalam operasi pengeluaran, khususnya di Asia, selama 30 tahun. Beliau memegang jawatan selaku Pengarah Kewangan bagi sebuah anak syarikat BHP di Jakarta, Indonesia mulai tahun 1981 dan telah memperoleh pengalaman bernas dalam menubuhkan dan mengurus operasi pengeluaran di China, Singapura, Malaysia dan kebelakangan ini di Indonesia yang mana beliau merupakan Presiden suatu perniagaan bungkusan bercetak barangan pengguna gerak pantas (FMCG). En Mitchell mempunyai pengetahuan mendalam terhadap pembungkusan tembakau, dengan pengalaman dari segi pembekalan dengan Amcor di Asia dan juga dari segi pemerolehan dengan Rothmans dan British American Tobacco ("BAT") Australasia.

En Mitchell menyertai TWPH pada 25 September 2008 dengan memegang jawatan sekarang dan bertanggungjawab memimpin bahagian kotak bercetak dan label Kumpulan di Malaysia, Vietnam dan Australia.

En Ong Liang Win

Pengurus Besar Kumpulan, Pembangunan Perniagaan Baru
Tien Wah Press Holdings Berhad

Warganegara Malaysia, Berumur 46 tahun

En Ong adalah seorang Akauntan Berkanun dari Institute of Chartered Accountants England & Wales dan memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (dengan pengkhususan dalam bidang Perakaunan dan Kewangan) dari Universiti Lancaster, England.

Sebelum pelantikannya di TWPH, beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah/Pengurus Besar Kumpulan di Eksons Corporation Berhad mulai tahun 1999 ke tahun 2004. Beliau sekarang adalah ahli Lembaga Pengarah Selangor Properties Berhad selaku Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Beliau memiliki spektrum pengalaman luas yang amat berharga, setelah memulakan kerjayanya pada tahun 1985 sebagai Juruaudit di Robson Rhodes, Manchester, England dan pernah menyandang pelbagai jawatan pegawai kanan dalam bidang kemajuan harta, pembinaan, pengilangan dan syarikat pelaburan.

En Ong menyertai TWPH pada tahun 2004 dan menyandang jawatan yang dipegangnya kini bertanggungjawab bagi kemajuan perniagaan-perniagaan baru untuk Kumpulan TWP.

En Steven Chan Chek Teng

Pengurus Besar, Bahagian Gravur dan Lito
Tien Wah Press (M) Sdn Bhd ("TWPM")

Warganegara Malaysia, Berumur 54 tahun

En Steven memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Wales, UK. Beliau juga memiliki Diploma Pascaijazah dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dan Diploma Lanjutan dalam Pemasaran dari Swansea Institute of Higher Learning, UK dan Diploma dalam Pengurusan Operasi dan Perindustrian dari The Charter Management Institute, UK. Beliau adalah anggota Chartered Management Institute dan Institute of Printing, UK (Cawangan Malaysia).

Sebelum pelantikannya di TWPH, beliau menyandang jawatan sebagai Pengurus Besar dan Naib Presiden Kanan bagi MBF Printing Berhad. Beliau berpengalaman kerja lebih 30 tahun dalam industri pencetakan.

Beliau menyertai TWPM pada tahun 2002 selaku Pengurus Kilang dan seterusnya dinaikkan pangkat kepada jawatan semasanya pada tahun 2004. Beliau bertanggungjawab terhadap keseluruhan operasi pencetakan di Malaysia.

En Mike Ong Kim Hai

Pengarah Besar
Alliance Print Technologies Co., Ltd ("APT")

Warganegara Singapura, Berumur 51 tahun

En Mike pada mulanya menyertai Kumpulan New Toyo International Holdings Ltd ("NTIH"), pemegang saham utama TWPH selaku Pengurus Operasi, dan bertanggungjawab untuk membina dan menubuhkan operasi dan perniagaan APT di Vietnam pada tahun 2005. Pada tahun 2006, beliau memegang jawatan Pengarah Besar APT.

Beliau memegang Sarjana dalam Kejuruteraan Industri dari Universiti Kebangsaan Singapura. Sebelum menyertai Kumpulan NTIH, beliau telah berkhidmat di industri tembakau selama 16 tahun untuk pengalaman operasi. Beliau juga menjalankan lawatan bertugas di Singapura, Myanmar, Vietnam, Kemboja, Hong Kong dan China.

En Mike menyertai Kumpulan TWP apabila TWPH memperoleh APT pada tahun 2007 melalui New Toyo Investments Pte Ltd, sebuah anak syarikat milikan penuh NTIH. Beliau bertanggungjawab bagi seluruh operasi bahagian pencetakan kami di Vietnam.

profil ahli exco

En Frank Federico

Pengurus Besar

Anzpac Services (Australia) Pty Limited ("Anzpac")

Warganegara Australia, Berumur 43 tahun

En Frank memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dari Universiti Teknologi, NSW, Australia. Beliau telah dianugerahkan bagi pelbagai reka bentuk pembungkusan kotak di Australia dan sebelum ini menyandang jawatan selaku eksekutif di NSW Board of the Packaging Council of Australia.

En Frank telah menceburi industri pembungkusan bagi kebanyakan masa kerjaya beliau. Beliau telah bekerja di bidang kotak mudah lentur dan gelugur di Arnott's Biscuits Limited, industri botol kaca di Smorgon Glass Containers dan pembungkusan kotak berlipat di Anzpac. Beliau telah berkhidmat di Anzpac selama 17 tahun, dan memegang pelbagai jawatan pengurusan yang penting termasuk Pengurus Jaminan Kualiti, Pengurus Pembangunan Teknikal dan Pengurus Penjualan. Beliau memainkan peranan penting dalam menubuhkan sistem jaminan kualiti Anzpac untuk memperoleh pentauliahan ISO9001 dan HACCP pada pertengahan 1990-an. Beliau juga mempunyai pengalaman meluas di bidang pembungkusan tembakau dengan penglibatan pembekalan kepada Rothmans dan BAT di Australia dan rantau Asia Tenggara sejak 1992.

En Frank menyertai Kumpulan TWP apabila TWPH memperoleh Anzpac pada September 2008 melalui Max Ease International Limited, sebuah syarikat usaha sama dengan NTIH. Beliau bertanggungjawab bagi seluruh operasi bahagian pencetakan kami di Australia.

En Ong Kiok Teng

Pengurus Besar

Tien Wah Properties Sdn Bhd ("TWPP")

Warganegara Malaysia, Berumur 45 tahun

En Ong merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari Swinburne University of Technology, Melbourne, Australia.

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1985 dengan Crooks Michell Peacock Stewart (CMPS) Pty Ltd, sebuah syarikat penasihat kejuruteraan dan pengurusan projek di Australia. Sebelum pelantikan beliau di Kumpulan TWP, beliau menyertai Mega First Corporation Berhad dan sepanjang pengalaman meluas beliau, beliau telah terlibat dengan pelbagai pembangunan hartanah dan industri pembinaan. Beliau mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dan telah menyempurnakan pelbagai projek pembangunan hartanah komersial dan kediaman.

Beliau menyertai Kumpulan TWP pada tahun 2008 dan bertanggungjawab terhadap Bahagian Hartanah.

Ms Lilian Leong Lai Yoong

Pengawal Kewangan

Tien Wah Press Holdings Berhad

Warganegara Malaysia, Berumur 44 tahun

Cik Lilian memiliki ijazah Sarjana Muda Perdagangan dengan pengkhususan dalam bidang Perakaunan dan Sistem Maklumat dari University of New South Wales, Australia. Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia dan ahli rakan CPA Australia.

Beliau memulakan kerjaya dengan Powell Kwok Baker sebagai Akauntan Siswazah terlibat dalam hal ehwal perakaunan dan cukai. Seterusnya pada tahun 1987, beliau meneruskan kerjayanya dengan Nelson Parkhill BDO selaku juruaudit dan selepas itu, berkhidmat di Halwood Corporation Ltd sebagai Akauntan Pengurusan Korporat.

Beliau menyertai TWPM pada tahun 1990 selaku Pengurus Kewangan sebelum memegang jawatan kininya sebagai Pengawal Kewangan. Beliau bertanggungjawab bagi keseluruhan hal ehwal kewangan untuk Kumpulan TWP.

pernyataan pengerusi

Pemegang saham yang dihargai,

Bagi pihak Lembaga Pengarah Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWPH"), saya dengan sukacita membentangkan Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

Tahun 2008 merupakan titik perubahan yang penuh dengan pencapaian mengejutkan, cabaran dan juga peluang keemasan.

Persekitaran Perniagaan Pada Keseluruhannya

Tanda masalah ekonomi semasa telah muncul ketara pada tahun 2007 dan pengaruh kelemahan dalam reka bentuk kewangan mula memberi kesan pada tahun 2008.

Pengecutan ekonomi global utama dialami di AS, UK, kawasan Euro, Jepun dan Australia termasuklah Asia. Perbezaannya hanya dari segi tahap kesan berkenaan. Pada umumnya kebanyakan ekonomi turut mengalami sama ada kemelesetan atau pertumbuhan mengalami keadaan yang lembap.

Keadaan sedemikian menjejaskan semua sektor memandangkan permintaan pasaran turut mengecut. Berganding dengan ini, disebabkan oleh krisis kewangan, institusi kewangan pula mengecutkan peminjaman, dan seterusnya mengenakan lagi tekanan pada pengguna dan industri.

Naik turun mata wang pertukaran dan harga-harga komoditi termasuk gerakan harga bahan mentah merupakan bahagian yang mempengaruhi kos dan harga jualan secara ketara.

Di tanah air pula, ekonomi Malaysia mula mengecut pada suku keempat tahun 2008 dan GDP bagi tahun tersebut hanya mencapai pertumbuhan 4.6%, berbanding dengan 6% pada tahun 2007. Inflasi naik berikutan kos kehidupan meningkat. Bank Negara Malaysia telah mengurangkan kadar polisi semalaman dari 3.5% ke 3.25% pada November 2008 untuk menyokong aktiviti ekonomi domestik.

Pada Ogos 2008, cukai aksais tembakau dinaikkan lagi sebanyak 20% yang menyebabkan perdagangan rokok haram yang lebih tinggi dan pertumbuhan segmen rokok berharga terlampau rendah (ELPC).

Pada keseluruhannya, persekitaran perniagaan bagi tempoh ini paling sesuai dijelaskan sebagai semakin susah dan mencabar, yang memerlukan perhatian selanjut daripada pihak pengurusan berbanding dengan sebelum ini.

Prestasi Kewangan

Pada keseluruhannya, kejayaan bidaan untuk membekal secara eksklusif kepada British American Tobacco ("BAT") keperluan karton bercetak di beberapa lokasi di rantau Asia Pasifik bermaksud bahawa permintaan perniagaan kami telah kukuh dijamin bagi tujuh (7) tahun, dengan satu hak untuk melanjutkan tempoh bekalan selama tambahan tiga (3) tahun. Peningkatan bahagian pasaran termasuk pemerolehan kami di Vietnam dan Australia telah menyumbang kepada peningkatan 43.5% dalam hasil yang mencapai setinggi RM186.1 juta dari RM129.7 juta pada tahun 2007. Keuntungan bersih Kumpulan yang boleh diagihkan kepada pemegang saham TWPH juga telah meningkat sebanyak 33.1% ke RM18.7 juta dari RM14.1 juta pada tahun 2007 dengan perolehan sesaham meningkat ke 27.1 sen pada tahun 2008, berbanding dengan 20.5 sen sesaham pada tahun 2007.

Dengan pertumbuhan melalui strategi pemerolehan, Kumpulan TWP telah mengguna pakai RM78.2 juta untuk memperoleh 51% kepentingan ekuiti Anzpac Services (Australia) Pty Ltd ("Anzpac") dengan dana daripada peminjaman dalaman dan luar. New Toyo International Holdings Ltd ("NTIH"), syarikat pemegang utama TWPH memegang 49% kepentingan ekuiti Anzpac selebihnya.

Lembaga Pengarah telah mengesyorkan pembayaran dividen bersih akhir 7.1 sen sesaham biasa yang membawa kepada jumlah dividen bersih bagi tahun 2008 mencapai 13.1 sen, satu kenaikan setinggi 4% berbanding dengan tahun 2007. Ini juga menjadikan jumlah pulangan pelaburan 10.9% kepada pemegang saham berdasarkan penutupan harga saham RM1.20 pada hujung tahun 2008.

Dinamik Perniagaan

Masalah-masalah ekonomi serantau belum jatuh ke paras yang paling rendah. Keadaan sedemikian memerlukan pihak pengurusan bertindak terlebih dahulu, dinamik dan bertindak dengan cepat.

pernyataan pengerusi

Untuk menempuhi ancaman luar yang baru dan cabaran mengendalikan peningkatan dalam volum yang besar daripada pelanggan utama kami, BAT, kami telah memperkukuhkan pihak pengurusan dengan pengambilan profesional baru termasuk Ketua Perniagaan, Karton Bercetak dan Label, En. Mark Mitchell yang mempunyai pengalaman meluas dalam mengendalikan operasi pengeluaran di Asia dan pengetahuan mendalam terhadap perniagaan pembungkusan tembakau.

Dengan peningkatan dalam volum, operasi pengeluaran pelbagai tempat dan pelbagai jenis produk bagi pengagihan yang beraneka, satu penyelarasan polisi dan proses secara berterusan telah dilaksanakan sejajar dengan matlamat utama untuk memenuhi semua keperluan pelanggan kami. Pada masa yang sama, kami mula mengoptimalkan strategi pengeluaran untuk mengambil kesempatan daripada kontrak BAT dan mengurangkan kos pengeluaran melalui skala ekonomi. Usaha ini seharusnya dilanjutkan ke tahun 2009 dengan inisiatif daripada Kumpulan Peningkatan Berterusan Kaizen, yang khususnya menumpu mencapai efisiensi kos yang paling unggul dan penyampaian kualiti tinggi kepada semua pelanggan.

Sebagai sebahagian daripada program di atas, kami masih perlu melabur dari segi peningkatan mesin dan pada tahun 2008, kami telah membelanjakan RM2.9 juta dalam mempertingkatkan kapasiti mesin pencetakan gravur yang sedia ada dan kapasiti pencetakan UV di bahagian litho.

Peristiwa Penting

Sebagai sebahagian daripada strategi kami untuk dapat perniagaan serantau BAT, kami bersama dengan NTIH telah memasuki satu perjanjian jual-beli bersyarat dengan BAT Australia pada tahun 2008 untuk memperoleh keseluruhan kepentingan dalam Anzpac yang disertakan satu hak selama tujuh (7) tahun dengan tiga (3) tahun perjanjian bekalan bagi keperluan karton bercetak di beberapa lokasi di rantau Asia Pasifik. Kami juga memperoleh Max Ease International Limited ("MEIL") di Hong Kong dan memasuki satu Perjanjian Usaha Sama dengan NTIH di mana MEIL menjadi syarikat usaha sama dan diberikan perjanjian bekalan itu.

Sebagai sebahagian daripada strategi pembentukan semula perniagaan syarikat induk, kami telah melucutkan pemegang saham 51% dalam perniagaan berlamin yang dikenali sebagai Paper Base Converting (M) Sdn Bhd kepada NTIH.

En Raymond Chan Fook Kong meletakkan jawatan selaku Pengarah Bukan Eksekutif, Bukan Bebas pada tahun ini dan kami dengan ini mengucapkan semoga berjaya kepada beliau di masa depan.

Prospek Tahun 2009

Pada pandangan kami, masalah kewangan dan ekonomi sekarang akan berterusan pada tahun 2009 dan akan menjejaskan ekonomi serantau.

Walau bagaimanapun, kami kekal bersikap positif terhadap prospek kami memandangkan pelbagai inisiatif diambil oleh pelbagai kerajaan telah dan sedang dilaksanakan untuk menstabilkan dan menangani masalah yang menjejaskan ekonomi.

Kami masih berada dalam kedudukan baik memandangkan pemindahan volum BAT menurut kontrak bekalan eksklusif yang baru sedang dilaksanakan sehingga pertengahan tahun 2009. Peningkatan dalam bahagian pasaran perniagaan tembakau akan mengurangkan kesan disebabkan oleh keadaan ekonomi disebut di atas terhadap kami. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam volum ini sebahagiannya diimbangi oleh pengurangan margin; oleh yang demikian kami mestilah memastikan keberkesanan volum dan pengeluaran adalah dioptimumkan. Pihak pengurusan akan terus menghadapi cabaran dan kami seharusnya meninjau semula portfolio untuk mengambil kesempatan daripada tapak pengeluaran baru dengan kos yang lebih rendah dan aturan cukai keutamaan.

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham, pelanggan dan ahli Lembaga kami atas sokongan anda terhadap Kumpulan untuk menunaikan objektif pertumbuhan kami dan sumbangan kepada pencapaian kami pada tahun 2008.



Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff
Pengerusi Eksekutif

tinjauan operasi perniagaan

PRESTASI KUMPULAN

Pertumbuhan Kumpulan TWP pada tahun 2008 adalah eksponen, didorong oleh pemerolehan operasi di luar Malaysia yang dilaksanakan dalam tahun kewangan ini dan sebelumnya. Hasil Kumpulan meningkat sebanyak 43.4% dari RM129.7 juta pada tahun 2007 ke RM186.0 juta pada tahun 2008. Keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2008 adalah RM25.1 juta, peningkatan 50.3% dari tahun sebelum ini iaitu RM16.7 juta. Keuntungan bagi tahun ini adalah RM18.7 juta, satu peningkatan 32.6% berbanding dengan keuntungan RM14.1 juta dicatatkan pada tahun lepas.

Aset ketara bersih Kumpulan bagi tahun kewangan ini menurun sebanyak 22.2% ke RM90.2 juta kerana Kumpulan telah membiayai sebahagian daripada pemerolehan tahun ini melalui peminjaman luaran. Tunai yang diperolehi daripada aktiviti operasi sepanjang tahun ini menurun sebanyak RM15.8 juta ke RM16.6 juta. Ini terutamanya disebabkan peningkatan dalam tahap pemegangan inventori menjelang hujung tahun agar memenuhi keperluan pengeluaran bagi bulan yang akan datang.

PENYATA KEWANGAN YANG DISATUKAN

	12 bulan 2008 RM '000	12 bulan 2007 RM '000	Naik/ (Turun) %
Hasil	186,059	129,663	43%
Kos penjualan	(143,259)	(101,163)	42%
Keuntungan kasar	42,800	28,500	50%
Perbelanjaan kendalian	(22,123)	(14,368)	54%
Pendapatan kendalian yang lain	3,379	1,871	81%
Hasil daripada operasi	24,056	16,003	50%
Bahagian keuntungan selepas cukai bagi pihak bersekutu	1,020	659	55%
Keuntungan sebelum cukai	25,076	16,662	50%
Perbelanjaan cukai	(5,524)	(1,366)	304%
Keuntungan bagi tahun ini	19,552	15,296	28%
Diagihkan kepada:-			
Pemegang saham syarikat	18,705	14,056	33%
Kepentingan minoriti	847	1,240	-32%
	19,552	15,296	28%
Perolehan bersih sesaham - asas dan tercair	27.1	20.5	32%
Margin keuntungan kendalian	12.9	12.3	5%
Keuntungan sebelum cukai/Hasil	13%	13%	5%
Keuntungan sebelum cukai/Hasil	11%	12%	-11%

tinjauan operasi perniagaan

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

	12 bulan 2008 RM '000	12 bulan 2007 RM '000	Naik/ (Turun) %
Keuntungan sebelum cukai	25,076	16,662	50%
Pelarasan bagi:-			
Perbelanjaan/ (pendapatan) faedah bersih Hartanah, loji dan kelengkapan	2,214	(477)	-564%
- Susut nilai dan pelunasan	9,829	5,118	92%
- Laba daripada peluputan	(7)	(242)	-97%
- Dihapus kira	3	55	-95%
Pelaburan dalam amanah saham	-	(336)	-100%
Peluputan anak syarikat	421	-	~
Inventori dihapus kira	50	1,143	-96%
Peruntukan untuk manfaat persaraan	144	198	-27%
Bahagian keuntungan selepas cukai bagi pihak bersekutu	(1,020)	(659)	55%
Kerugian pertukaran asing yang belum terealis	1,204	49	2357%
Perubahan dalam modal kerja	(21,346)	10,868	-296%
Tunai yang diperolehi daripada kendalian	16,568	32,379	-49%
Faedah bersih (dibayar)/diterima	(2,214)	477	-564%
Manfaat persaraan yang dibayar	(292)	(94)	211%
Cukai dibayar	(3,101)	(2,678)	16%
Pemerolehan anak syarikat	(78,220)	(27,012)	190%
Pelucutan anak syarikat	2,047	-	~
Perbelanjaan modal bersih	(860)	(2,068)	-58%
Aktiviti pembiayaan bersih	72,979	9,760	648%
Dividen dibayar	(9,741)	(14,709)	-34%
Pengurangan dalam wang tunai dan setara tunai	(2,834)	(3,945)	-28%

PRESTASI MENGIKUT SEGMENT PERNIAGAAN

TIEN WAH PRESS (M) SDN BHD ("TWPM")
OPERASI DI MALAYSIA – 100% MILIKAN PENUH

Aktiviti utama TWPM adalah dalam pencetakan rotogravur dan fotolitografi yang menghasilkan kotak rokok dan bahan-bahan pembungkusan am yang bermutu tinggi. Produk untuk pembungkusan rokok adalah 'hinge lids blanks', karton paparan luar, label pek lembut bagi pek tahan remuk. Produk untuk pembungkusan am termasuk label bir dan susu, pembungkusan rokok edisi terhad bagi promosi, produk kesihatan dan farmaseutik di samping pembungkusan makanan dan minuman. TWPM mempunyai dua bahagian iaitu bahagian Gravur yang mempunyai pengkhususan dalam pencetakan rotogravur dan bahagian Lito pula mempunyai pengkhususan dalam pencetakan fotolitografi.

tinjauan operasi perniagaan

Pada tahun 2008, hasil yang dijana oleh TWPM berjumlah RM89.2 juta mencapai 4.1% dari RM85.7 juta tahun lepas. Mempertimbangkan kesusahan dihadapi oleh TWPM sepanjang tahun ini, contohnya peningkatan 20% cukai aksais ke atas produk tembakau pada Ogos 2008, dan krisis kemelesetan ekonomi masa kini, pertumbuhan sedemikian adalah patut diberi perhatian. Untuk menangani masalah ini, TWPM telah mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan kos dan mempertingkatkan kecekapan pengeluaran.

Industri tembakau yang semakin bersaing tinggi dan pihak-pihak menceburi industri ini turut mengambil pelbagai langkah untuk menonjolkan ketampilan masing-masing, contohnya melalui reka bentuk pada pembungkusan rokok standard dan promosi. Pelaburan TWPM dalam Heidelberg Speedmaster Duo Offset Press, yang menggabungkan teknologi pencetakan ofset dan fleksografi, dua tahun yang lalu, banyak membantu TWPM untuk memenuhi permintaan yang kerap berubah bagi produk yang mendatangkan margin tinggi ini. Berikutan faktor-faktor di atas, keuntungan sebelum cukai bagi TWPM meningkat sebanyak 38.5% dari RM11.9 juta pada tahun 2007 hingga RM16.2 juta pada tahun 2008.

Dalam tahun kewangan ini, Kumpulan telah berjaya mendapat tender bagi kontrak pembekalan eksklusif daripada British American Tobacco ("BAT"), salah sebuah peneraju pengeluaran tembakau di dunia, dan bertanggungjawab membekal semua keperluan karton rokok di beberapa negara di rantau Asia Pasifik, sekurang-kurangnya untuk tempoh tujuh tahun yang akan datang. Berikutan ini, TWPM meramalkan tahun 2009 akan mengalami pertumbuhan hasil yang tinggi. Sejalan dengan ini, TWPM merancang untuk menanggung perbelanjaan modal dalam tahun 2009 untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dan mempertingkatkan efisiensi.

TIEN WAH PROPERTIES SDN BHD ("TWProp") OPERASI MALAYSIA – 100% MILIKAN PENUH

TWProp merupakan syarikat pemegang hartanah pelaburan. TWProp memegang semua harta tanah kumpulan di Malaysia yang disewa kepada syarikat lain di dalam Kumpulan dan syarikat lain yang berkaitan. Bagi tahun 2009, TWProp akan menerokai pelbagai alternatif untuk menunaikan nilai-nilai aset pelbagai hartanahnya.

PAPER BASE CONVERTING SDN BHD ("PBC") OPERASI MALAYSIA – 51% MILIK (DILUPUTKAN)

PBC, merupakan syarikat yang khusus dalam pengeluaran kerajang aluminium dan kertas berlamina bersadur logam dan kertas tebal, pada asalnya diperolehi oleh Kumpulan pada tahun 1999. Dalam tahun kewangan ini, anak syarikat ini telah dijual agar Kumpulan dapat memberi tumpuan sepenuhnya pada perniagaan utamanya iaitu pencetakan.

ALLIANCE PRINT TECHNOLOGIES CO LTD ("APT") OPERASI VIETNAM – 100% MILIKAN PENUH

Pada Disember 2007, Kumpulan telah menyempurnakan pemerolehan APT, yang aktiviti utama adalah pencetakan rotogravur tembakau dan pembungkusan lain. Dengan pemerolehan ini, Kumpulan dapat menerokai pasaran membangun yang mempunyai potensi pertumbuhan ketara. Tambahan pula, Kumpulan kini mendapat kemudahan pengilangan berkos pengeluaran rendah.

Tahun 2008 merupakan tahun pertama di mana pencapaian APT telah disatukan dalam Kumpulan. Hasil penjualan dijana oleh unit perniagaan ini sepanjang tahun ini adalah RM36.6 juta dengan keuntungan operasi bersih RM5.9 juta.

APT menjangka perniagaan akan bertumbuh dengan pesat pada tahun yang akan datang. Pada tahun kewangan ini, Kumpulan telah berjaya memperoleh satu kontrak untuk membekal semua keperluan karton bercetak BAT di Vietnam dan Singapura. Ini merupakan pemacu pertumbuhan peneraju bagi tahun 2009. Sebagai tambahan, APT menjangka mengambil sebahagian daripada perniagaan sedia ada Kumpulan dari unit lain agar dimanfaatkan daripada kos yang lebih rendah. Ini seharusnya dapat mempertingkatkan margin keuntungan Kumpulan secara keseluruhan.

tinjauan operasi perniagaan

ANZPAC SERVICES (AUSTRALIA) PTY LIMITED ("ANZPAC") OPERASI AUSTRALIA – 51% MILIK

Seperti TWPM, aktiviti utama ANZPAC adalah pencetakan rotogravure dan fotolitografi bagi pembungkusan rokok dan barangan pengguna lain. Selama ini, ia dianggap salah sebuah syarikat peneraju dalam industry. Sebenarnya, pada tahun kewangan ini, ANZPAC telah menduduki tempat No.1 pembekal karton berlipat di Australia melalui kajian tahunan bebas industri oleh BIS Shrapnel. Pemerolehan ini membuka jalan Kumpulan ke pasaran mantap di Australia, New Zealand, dan beberapa pulau Oceanic.

Memandangkan pemerolehan ANZPAC telah disempurnakan pada bulan Oktober 2008, hanya hasil bagi dua bulan disatukan dalam hasil Kumpulan bagi tahun kewangan ini. Dalam tempoh lepas pemerolehan, ANZPAC menyumbang hasil jualan RM22.3 juta dan keuntungan operasi RM1.4 juta kepada Kumpulan.

Bagi tahun 2009, walaupun kemelesetan ekonomi yang kini melanda kebanyakan negara yang ANZPAC beroperasi, tapi ANZPAC meramalkan prestasi mantap tahunan dengan margin keuntungan yang agak baik. Perniagaan pembungkusan am dijangka mengalami pertumbuhan melalui pertumbuhan organik dan pemerolehan perniagaan baru. Sementara itu, volum jualan bagi bahagian tembakau dijangka tidak menunjukkan perbezaan yang dramatik dari tahun kewangan ini. Walau bagaimanapun, pasaran dijangka mudah berubah bercirikan perubahan reka bentuk yang lebih kerap, peningkatan pengeluaran pek bersarung dan kembar dan penggunaan pek edisi terhad yang lebih tinggi. Ini seharusnya membantu memacu hasil-hasil dan margin keuntungan.

BENKERT (MALAYSIA) SDN BHD ("Benkert") OPERASI MALAYSIA – 30% MILIK

Kegiatan utama Benkert adalah dalam pengeluaran kertas rokok bertebuk bercetak gravur yang digunakan dalam pengeluaran turas rokok. Syarikat bergiat sebahagian Kumpulan International Benkert yang merupakan pembekal utama produk pengkhususan ini bagi pengeluar rokok global. Benkert menyediakan bekalan kepada pengeluar rokok multinasional yang utama seperti British American Tobacco ("BAT") dan Philip Morris di rantau Asia Pasifik.

Pada tahun 2008, hasil jualannya telah meningkat ke RM58.5 juta dari RM41.5 juta pada tahun sebelumnya. Keuntungan kendalian juga meningkat dari RM2.6 juta ke RM4.9 juta. Begitu juga, keuntungan sebelum cukai telah meningkat dari RM2.2 juta ke RM4.6 juta. Kebanyakan peningkatan ini berpunca daripada kapasiti dipertingkatkan melalui pelaburan dalam kemudahan pengeluaran baru dalam tempoh sebelum ini. Pada tahun 2008, Benkert telah menggabungkan operasi kerajang yang baru melalui teknikal dan pemindahan mekanisme dari Benkert UK.

Bagi prospek tahun 2009, Benkert menjangka tidak akan banyak terjejas oleh kemelesetan ekonomi masa kini dan kekal bersikap positif terhadap peningkatan hasil jualan dan sumbangan berikutan peningkatan dalam perniagaan dan sokongan daripada pelanggan utama kami. Selaras dengan jangkauan perkembangan pesat dalam perniagaan, Benkert akan terus melabur dalam sumber tenaga manusia melalui pengrekrutan baru dan latihan teknikal untuk memenuhi spesifikasi yang semakin mencabar daripada pelanggan utama kami.



hubungan

Di Tien Wah Press, kami meluangkan lebih masa untuk memahami dan mengenalpasti kehendak pelanggan kami memandangkan kami hanya dapat tepat memenuhi kehendak mereka melalui wawasan mereka.

pernyataan tadbir urus korporat

Pihak Lembaga Pengarah ("Lembaga") tetap komited untuk mencapai dan mengekalkan taraf tadbir urus korporat yang tinggi dalam Kumpulan Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWP"). Lembaga berpendapat bahawa tadbir urus korporat itu sinonim dengan empat konsep utama, iaitu ketelusan, kebertanggungjawaban, keutuhan dan prestasi korporat.

Tanda kecemerlangan ternyata apabila TWP pernah, pada masa lalu, menerima Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA bagi Sektor Produk-produk Perindustrian di Papan Kedua (untuk laporan tahunan paling cemerlang bagi syarikat-syarikat industri produk-produk perindustrian tersenarai pada Papan Kedua) selama empat tahun berturut-turut dari tahun 1998 hingga tahun 2001, dan sekali lagi dari tahun 2004 hingga 2007.

Pihak Lembaga berpandukan Tata Tadbir Urus Korporat Syarikat ("Tata Tadbir Urus Syarikat"), yang dirumuskan berdasarkan prinsip-prinsip dan amalan terbaik yang dikemukakan dalam Tata Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) ("Tata Tadbir Urus"). Tata Tadbir Urus Syarikat ditinjau semula dari semasa ke semasa agar memastikan keadaan baru dan isu tata tadbir urus korporat yang timbul dapat diuruskan dan amalan paling unggul diamalkan.

Pihak Lembaga dengan sukacitanya menyediakan pernyataan berikut, yang menggariskan amalan-amalan utama tadbiran bagi sepanjang tahun kewangan yang ditinjau.

Pematuhan Tata Tadbir Urus

Kumpulan TWP telah mematuhi amalan terbaik tadbiran korporat sebagaimana yang dibentangkan dalam Bahagian 2 Tata Tadbir Urus bagi sepanjang tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2008.

Pernyataan prinsip

Pernyataan berikut membentangkan cara Kumpulan TWP menerapkan prinsip-prinsip yang dikemukakan dalam Bahagian 1 Tata Tadbir Urus. Prinsip-prinsip tersebut dikendalikan di bawah tajuk berikut: Lembaga Pengarah, Ganjaran Pengarah, Pemegang Saham, dan Kebertanggungjawaban dan Audit.

A. Lembaga Pengarah

Tanggungjawab Lembaga

Kumpulan TWP mengesahkan peranan penting yang dimainkan oleh Lembaga dalam panduan arah dan operasinya, dan seterusnya mempertingkatkan nilai pemegang saham buat jangka masa panjang. Untuk menjalankan peranannya, Lembaga bertanggungjawab bagi keseluruhan tadbiran korporat Kumpulan TWP, termasuk hala tuju strategik, menetapkan matlamat bagi pihak pengurusan dan memantau pencapaian matlamat tersebut. Peranan dan fungsi Lembaga dan juga peranan Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif yang berbeza, adalah didokumentasikan dengan jelas dalam Piagam Lembaga.

Lembaga Pengarah telah mengambil alih enam tanggungjawab spesifik yang berikut dalam menunaikan tanggungjawab pengawasan mereka selaras dengan amalan terbaik Tata Tadbir Urus:-

- Mengkaji semula dan menerapkan rancangan strategik bagi Kumpulan TWP;
- Menyelia prestasi Kumpulan untuk menilai sama ada perniagaan sedang diurus dengan sesuai;
- Mengenal pasti risiko penting dan memastikan pelaksanaan sistem kawalan yang wajar untuk mengurus risiko tersebut;
- Rancangan pewarisan, termasuk perlantikan, latihan, menetapkan pampasan bagi, dan jika berkenaan, menggantikan pengarah-pengarah eksekutif;
- Mengkaji semula kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman Kumpulan demi melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan;
- Mengeluarkan dan melaksanakan program komunikasi dengan pemegang saham dan pelabur untuk Syarikat.

Lembaga mempunyai jadual rasmi bagi perkara yang dikhaskan khusus untuk keputusannya, yang merangkumi keseluruhan strategi dan hala tuju Kumpulan TWP, dasar pemerolehan dan pemberhentian pelaburan, kelulusan projek-projek perbelanjaan modal utama, menimbang hal ehwal kewangan yang penting dan mengkaji semula prestasi kewangan dan operasi Kumpulan TWP. Jadual ini memastikan tadbir urus Kumpulan TWP adalah di bawah kawalan Lembaga.

pernyataan tadbir urus korporat

Mesyuarat

Lembaga lazimnya bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, sekali setiap suku tahun, dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila keputusan segera dan penting perlu dibuat dalam masa antara mesyuarat berjadual. Pada tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2008, Lembaga bermesyuarat sembilan (9) kali, untuk berbincang dan mempertimbangkan pelbagai perkara termasuk hasil kewangan Kumpulan TWP, pelaburan utama dan keputusan strategik, rancangan perniagaan dan hala tuju Kumpulan TWP dan hal ehwal tadbir urus korporat.

Lembaga menerima dokumen-dokumen mengenai perkara-perkara yang memerlukan pertimbangannya terlebih dahulu sebelum setiap mesyuarat. Kertas kerja Lembaga disediakan dengan menyeluruh dan merangkumi faktor-faktor kuantitatif dan juga kualitatif supaya keputusan yang berdasarkan fakta dan termaklum boleh dibuat. Semua perbincangan semasa mesyuarat Lembaga dicatatkan minitnya dan ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat.

Prosedur tersedia bagi Pengarah untuk mendapatkan nasihat profesional yang bebas dipengaruhi atas perbelanjaan Syarikat dan nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat demi melaksanakan tugas dan tanggungjawab spesifik mereka seperti yang dicatatkan dalam Peruntukan Amalan Terbaik AAI Tata Tadbir Urus.

Berikut ini adalah butir-butir kehadiran setiap Pengarah ke Mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan ini:-

	Bilangan Mesyuarat Dihadiri
Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff Pengerusi, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas	9/9
Gary Yen Timbalan Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	7/9
Lt Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hassan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	8/9
Dato' Larry Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	6/9
Goh Seng Chuan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	9/9
Raymond Chan Fook Kong (i) Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	7/7
Mej Jen (B) Datuk Abdul Kadir bin Nordin Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	8/9
Mej Jen (B) Dato' Mohamed Dahalan bin Sulaiman Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	9/9
Tung Kum Hon (ii) Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	3/9

Catatan:

- i) Raymond Chan Fook Kong telah meletakkan jawatan sebagai Pengarah berkuatkuasa mulai 31 Ogos 2008.
- ii) Menurut perenggan 15.05(3)(c) Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") dan Artikel 96.4 Tataurus Pertubuhan Syarikat, En Tung Kum Hon ("En Tung") dianggap telah mengosongkan pejabat beliau selaku Pengarah Syarikat pada 23 Februari 2009 dan sewajarnya berhenti memegang jawatan Pengarah Syarikat berkuatkuasa mulai 23 Februari 2009. Lembaga telah bersetuju mengembalikan jawatan En Tung selaku Pengarah pada 23 Februari 2009.

pernyataan tadbir urus korporat

Jawatankuasa Lembaga

Lembaga Pengarah mengamanahkan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga, seperti yang berikut:-

Jawatankuasa Lembaga	Fungsi Utama
Jawatankuasa Audit	Diterangkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit.
Jawatankuasa Pencalonan	Diterangkan di perenggan mengenai "Pelantikan Ahli Lembaga" dalam Penyata Tadbir Urus Korporat ini.
Jawatankuasa Ganjaran	Diterangkan di perenggan mengenai "Ganjaran Pengarah" di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat ini.
Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan	Menilai mana-mana pelaburan bakal yang sesuai yang akan meluaskan asas pendapatan Kumpulan TWP dan menambahkan nilai pemegang sahamnya.
Jawatankuasa Risiko	Untuk mengkaji semula dan mempertimbangkan semua aspek risiko, menetapkan had-had risiko yang sesuai dan memantaunya melalui sistem-sistem pengurusan risiko yang boleh dipercayai.
Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Eksekutif ("ESOS")	ESOS tamat tempohnya pada 4 Februari 2008. Ahli Jawatankuasa akan menilai mana-mana cadangan ESOS yang baru sebelum mengesyorkan saranan bagi kelulusan Lembaga dan pemegang saham.

Semua jawatankuasa ini mempunyai terma rujukan dan prosedur operasi bertulis dan Lembaga menerima laporan tentang perbincangan dan pertimbangan mereka. Pengerusi pelbagai jawatankuasa akan melapor hasil mesyuarat Jawatankuasa kepada pihak Lembaga dan laporan-laporan sedemikian digabungkan dalam kertas kerja mesyuarat Lembaga. Jawatankuasa-jawatankuasa ini telah ditubuhkan untuk mempertingkatkan kecekapan kendalian dan perniagaan serta juga keberkesannya. Pihak Lembaga masih bertanggungjawab sepenuhnya ke atas hala tuju dan kawalan Syarikat dan Kumpulan TWP.

Keseimbangan Lembaga

Setakat tarikh penyata ini, Lembaga terdiri daripada lapan (8) ahli; iaitu seorang (1) Pengerusi eksekutif bukan bebas, seorang (1) Timbalan Pengerusi bukan eksekutif bukan bebas, tiga (3) Pengarah bukan eksekutif bebas dan tiga (3) pengarah bukan eksekutif bukan bebas. Profil ringkas setiap Pengarah dibentangkan dalam profil Lembaga Pengarah dalam laporan tahunan ini.

Konsep kebebasan yang diguna pakai oleh Lembaga sejajar dengan takrif "Pengarah Bebas" dalam Seksyen 1.01 Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad ("Syarat-syarat Penyenaraian"). Kriteria utama untuk pelantikan seorang Pengarah bebas ialah seorang yang bukan ahli pihak pengurusan (Pengarah bukan eksekutif) dan yang tiada apa-apa hubungan yang dapat mempengaruhi pertimbangan kebebasannya atau kemampuannya bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat. Komposisi Lembaga selaras dengan perenggan 15.02 Syarat-syarat Penyenaraian yang memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) orang Pengarah atau sepertiga (1/3) daripada Lembaga Syarikat, yang mana lebih tinggi, adalah Pengarah bebas.

Para Pengarah, dengan latar belakang dan kepakaran yang berlainan, secara kolektif membawa bersama mereka pelbagai pengalaman dan kepakaran yang meluas dalam bidang-bidang seperti kewangan, hal ehwal korporat, pemasaran, cukai dan operasi. Pengarah eksekutif khususnya bertanggungjawab untuk pelaksanaan dasar dan keputusan Lembaga, menyelia operasi serta menyelaraskan pembangunan dan implementasi strategi korporat dan perniagaan. Pengarah bukan eksekutif bebas membawakan pertimbangan yang objektif dan bebas dalam proses penentuan keputusan Lembaga dan membawakan sekatan dan imbalan bagi Pengarah eksekutif. Para Pengarah bukan eksekutif banyak menyumbang dalam hal-hal seperti dasar dan strategi, pemantauan prestasi, peruntukan sumber serta penambahbaikan kawalan dan tadbir urus. Bersama-sama Pengarah eksekutif yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai perniagaan, Lembaga terdiri daripada individu-individu yang komited kepada profesionalisme dan keutuhan perniagaan dalam semua kegiatan mereka.

pernyataan tadbir urus korporat

Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas di kepala Syarikat untuk memastikan imbalan hak dan kuasa. Lembaga dipimpin oleh Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff selaku Pengerusi eksekutif bukan bebas dan pengurusan eksekutif Syarikat dipimpin oleh Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") yang terdiri daripada pasukan pengurusan kanan yang merangkumi Ketua Operasi Perniagaan (Karton Bercetak dan Label), Pengurus Besar Kumpulan (Pembangunan Perniagaan Baru), Pengurus Besar Bahagian dan Pengawal Kewangan.

Pengerusi dan EXCO memainkan peranan secara formal. Pengerusi bertanggungjawab dalam menyelia Lembaga dan memastikan semua Pengarah menerima maklumat berkaitan yang memadai mengenai hal-hal kewangan dan bukan kewangan untuk membolehkan mereka mengambil bahagian secara aktif dalam keputusan-keputusan Lembaga. EXCO bertanggungjawab bagi pengurusan harian perniagaan, pelaksanaan dasar-dasar dan keputusan Lembaga, di samping itu menghasilkan, menyelaraskan dan melaksanakan strategi korporat dan perniagaan. Tata Tadbir Urus menyarankan pelantikan Pengarah kanan bukan eksekutif bebas kepada siapa segala urusan boleh disampaikan dan Lembaga telah melantik Lt Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hassan untuk menjalankan peranan ini.

Lembaga berpuas hati bahawa komposisi Lembaga semasa membayangkan kepentingan pemegang saham minoriti dalam Syarikat dengan saksama.

Pembekalan Infomasi

Pengerusi memastikan semua Pengarah ada akses kepada maklumat yang sepenuhnya dan tepat pada waktu dengan kertas kerja Lembaga diedarkan terlebih dahulu sebelum setiap mesyuarat. Setiap pengarah mempunyai akses tak terbatas kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat. Lembaga percaya bahawa Setiausaha Syarikat semasa dapat menjalankan tugas-tugas beliau untuk memastikan Lembaga berfungsi dengan berkesan. Pelucutan Setiausaha Syarikat, jika ada, adalah keputusan sepenuh Lembaga.

Sebelum setiap mesyuarat Lembaga atau Jawatankuasa Lembaga diadakan, kertas kerja Lembaga atau Jawatankuasa, bergantung kepada keadaan, termasuk agenda dan laporan berkaitan dengan isu-isu mesyuarat yang meliputi aspek strategik, kewangan, operasi dan perkara-perkara pematuhan regulatori, diedarkan kepada semua ahli Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa. Pengarah bermesyuarat, mengkaji, dan meluluskan semua pengumuman korporat, termasuk pengumuman keputusan kewangan suku tahunan, sebelum mengemukakannya kepada Bursa Sekuriti.

Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan berperanan penting dalam menyalurkan isu-isu berkenaan operasi dan jaminan yang berkenaan kepada Lembaga. Jawatankuasa sebahagiannya berfungsi sebagai penapis untuk memastikan bahawa hanya perkara-perkara berkenaan dibentangkan pada peringkat Lembaga Pengarah. Terdapat prosedur-prosedur yang dipersetujui oleh Lembaga Pengarah, sama ada sebagai keseluruhan Lembaga ataupun dari kapasiti individu, untuk mendapatkan nasihat profesional bebas, jika perlu dan dalam keadaan yang sesuai, untuk menjalankan tugasnya, dengan belanja Kumpulan TWP.

Taklimat terperinci berkala mengenai pandangan industri, prestasi Syarikat dan pratinjauan terdahulu juga dikendalikan bagi Pengarah untuk memastikan bahawa Lembaga mempunyai maklumat mendalam mengenai trend industri dan pasaran yang terkini.

Pelantikan Ahli Lembaga

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada ahli-ahli berikut pada tahun kewangan ini:-

- Tung Kum Hon - Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
- Lt Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hassan – Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
- Goh Seng Chuan – Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Jawatankuasa Pencalonan bermesyuarat sekali sepanjang tahun kewangan ini.

pernyataan tadbir urus korporat

Jawatankuasa Pencalonan terdiri secara eksklusif daripada Pengarah bukan eksekutif, dengan majoritinya terdiri daripada Pengarah bebas. Jawatankuasa Pencalonan diberi kuasa oleh Lembaga dan terma rujukannya untuk mengesyorkan saranan kepada Lembaga tentang pelantikan Pengarah-Pengarah baru. Jawatankuasa tersebut juga mengkaji semula struktur, saiz dan komposisi Lembaga di samping perancangan pewarisan jawatan eksekutif. Jawatankuasa Pencalonan menilai secara sistematik keberkesanan Lembaga, Jawatankuasa dan sumbangan setiap individu Pengarah setiap tahun.

Pada tahun kewangan ini, Jawatankuasa Pencalonan telah membuat tinjauan dan menilai gabungan kemahiran dan pengalaman dan saiz Lembaga, sumbangan setiap pengarah dan keberkesanan Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga dan juga meninjau semula pesaraan pengarah-pengarah melalui pusingan kelayakan untuk pemilihan semula.

Proses pelantikan

Lembaga, melalui penilaian tahunan Jawatankuasa Pencalonan, percaya bahawa komposisi semasa Lembaga menyediakan gabungan dari segi kemahiran dan kecekapan teras yang diperlukan untuk Lembaga menjalankan tugas mereka dengan berkesan.

Lembaga melantik ahli-ahlinya melalui suatu proses pemilihan yang rasmi dan telus. Proses ini telah dikaji, dilulus dan diterap oleh Lembaga. Pelantikan baru akan dipertimbangkan dan dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan. Jawatankuasa kemudiannya akan mengesyorkan calon-calon untuk diluluskan dan dilantik oleh Lembaga. Setiausaha Syarikat akan memastikan bahawa semua pelantikan dibuat dengan sempurna, dan obligasi perundangan dan regulatori ditepati.

Latihan Pengarah

Lembaga, melalui Jawatankuasa Pencalonan, memastikan ia hanya merekrut individu yang cukup kaliber, pengetahuan dan pengalaman untuk melaksanakan tugas selaku Pengarah dengan sempurna. Suatu program induksi telah diatur bagi Pengarah yang baru dilantik untuk memudahkan pemahaman mereka tentang operasi Kumpulan di samping produk-produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kumpulan. Semua Pengarah telah menghadiri dan berjaya menyempurnakan Program Akreditasi Mandatori (MAP) selaras dengan keperluan Bursa Securities. Memandangkan keperluan latihan para Pengarah adalah berbeza-beza, semua Pengarah telah menjalani program-program latihan lain secara berterusan untuk meningkatkan kemahiran serta pengetahuan mereka dalam tahun 2008.

Pemilihan Semula Pengarah

Tataurus Persatuan memberi peruntukan bahawa semua Pengarah hendaklah bersara dari jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun tetapi akan layak untuk dipilih semula. Pengarah-pengarah yang akan bersara pada setiap tahun adalah Pengarah yang paling lama memegang jawatan sejak pemilihan terakhir. Pemilihan setiap Pengarah diundi secara berasingan. Untuk membantu pemegang saham dalam keputusan mereka, maklumat yang memadai seperti profil peribadi, kehadiran ke mesyuarat dan pegangan saham dalam Kumpulan TWP bagi setiap Pengarah yang memohon pelantikan, dibekalkan dalam pernyataan berasingan bersama Notis AGM.

Pengarah yang berusia lebih daripada tujuh puluh (70) tahun dikehendaki mengemukakan diri mereka untuk pemilihan semula setiap tahun selaras dengan Seksyen 129 (6) Akta Syarikat 1965.

B. Ganjaran Pengarah

Jawatankuasa Ganjaran

Ahli Jawatankuasa Ganjaran pada tahun kewangan yang ditinjau terdiri daripada:

- Goh Seng Chuan – Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
- Lt Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hassan – Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
- Mej Jen (B) Dato' Mohamed Dahalan bin Sulaiman - Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Jawatankuasa Ganjaran telah bermesyuarat lima kali sepanjang tahun kewangan ini.

pernyataan tadbir urus korporat

Jawatankuasa Ganjaran terdiri secara eksklusif daripada Pengarah bukan eksekutif. Jawatankuasa Ganjaran bertanggungjawab menyarankan rangka kerja ganjaran bagi Pengarah bukan eksekutif di samping pakej ganjaran bagi Pengarah eksekutif dan EXCO kepada Lembaga. Tiada seorang pun Pengarah eksekutif akan terlibat dalam apa jua cara dalam penentuan ganjaran individu mereka.

Lembaga secara sekumpulan, menentukan ganjaran bagi Pengarah bukan eksekutif dengan setiap Pengarah mengecualikan diri daripada apa-apa keputusan berhubung dengan ganjaran mereka masing-masing. Dalam menentukan bayaran yang munasabah bagi setiap Pengarah bukan eksekutif, Lembaga mempertimbangkan tanggungjawab dan komitmen masa Pengarah yang berkenaan, selain daripada bilangan mesyuarat Lembaga dan mesyuarat istimewa yang dihadiri di samping keahlian dan penyandangan jawatan Pengerusi bagi jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga. Ganjaran sedemikian (dalam bentuk bayaran Pengarah) tertakluk kepada kelulusan pemegang saham di AGM.

Dasar yang diamalkan bagi ganjaran Pengarah oleh Jawatankuasa Ganjaran adalah untuk menyediakan pakej-pakej ganjaran yang mampu menarik, mengekal dan memberi dorongan kepada Pengarah yang diperlukan dalam membantu Kumpulan TWP diurus dengan betul dan untuk menjajarkan kepentingan Pengarah dengan kepentingan pemegang saham.

Maklumat dalaman yang disediakan dan data tinjauan yang dikumpulkan mengenai amalan-amalan ganjaran syarikat-syarikat sebanding, dipertimbangkan dalam menentukan pakej-pakej ganjaran, Jawatankuasa Ganjaran akan mendapatkan nasihat profesional yang sesuai di dalam dan di luar Kumpulan TWP apabila perlu.

Pada tahun 2008, Jawatankuasa Ganjaran telah membincangkan perkara seperti garis panduan kenaikan gaji, pembayaran bonus dan pampasan para pengarah dan pihak pengurusan kanan.

Maklumat lanjut mengenai ganjaran Pengarah dikemukakan di bawah dan di dalam Nota 17 penyata kewangan.

Butir-butir Ganjaran Pengarah

Ganjaran agregat Pengarah dikategorikan kepada komponen-komponen sesuai seperti berikut:

	Gaji RM	Bonus RM	Yuran dan elaun RM	Manfaat bukan dalam bentuk kewangan RM	Jumlah RM
Pengarah Eksekutif	250,200	-	-	31,750	281,950
Pengarah Bukan Eksekutif	-	-	281,000 10,000 (anak syarikat)	-	291,000
JUMLAH	250,200	-	291,000	31,750	572,950

Taburan ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2008, mengikut kategori dan dalam setiap lingkungan RM10,000 yang berturut-turut, adalah seperti berikut-

Julat Ganjaran (RM)	Bilangan Pengarah	
	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
30,000 dan di bawah		1
30,001 – 40,000		1
40,001 – 50,000		3
50,001 – 60,000		2
280,000 – 290,000	1	
Jumlah	1	7

pernyataan tadbir urus korporat

Pengarah Eksekutif menerima bonus berdasarkan pencapaian matlamat-matlamat spesifik yang berhubung dengan prestasi Kumpulan (termasuk hasil kendalian dan aliran tunai). Pengarah bukan eksekutif tidak menerima apa-apa ganjaran berasaskan prestasi.

Ganjaran bagi setiap Pengarah secara individu tidak didedahkan, kerana maklumat sedemikian dianggap bersifat sulit dan amat sensitif.

C. Pemegang saham

Syarikat mengiktiraf kepentingan berkomunikasi dengan pemegang sahamnya dan melakukannya melalui laporan tahunan, AGM dan laman web Syarikat. Dasar Syarikat adalah untuk mengekalkan dialog yang aktif dengan pemegang sahamnya dengan tujuan memberikan pemegang saham gambaran yang sejelas dan selengkap mungkin tentang prestasi dan kedudukan Syarikat.

Unsur utama dialog Syarikat dengan pemegang sahamnya adalah peluang untuk mengumpulkan pandangan, dan menjawab soalan, daripada pemegang saham persendirian dan pemegang saham institusi mengenai semua isu yang berkaitan dengan Syarikat di AGM. Juga menjadi amalan Syarikat untuk menghantar Notis AGM dan laporan-laporan bertulis yang berkenaan kepada pemegang saham sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum mesyuarat diadakan. Di AGM, pemegang saham digalakkan bertanya soalan tentang resolusi yang dicadangkan dan operasi Kumpulan secara umum. Selain daripada itu, suatu persidangan akhbar diadakan sebaik selepas AGM dan Pengerusi Eksekutif menasihati wartawan tentang resolusi yang diluluskan, dan menjawab soalan mengenai prestasi Kumpulan TWP.

Laman web Syarikat, www.tienwah.com, menyediakan saluran untuk maklumat, seperti seksyen-seksyen yang khusus mengenai maklumat korporat, termasuk maklumat kewangan, sejarah harga saham, pengumuman dan siaran akhbar. Syarikat sentiasa mengemaskinikan data laman web untuk memastikan maklumat terkini disiarkan.

Sementara Syarikat berusaha untuk menyediakan sebanyak maklumat yang mungkin kepada pemegang saham dan pihak kepentingannya, ia juga mesti berwaspada tentang rangka kerja kawal selia dan undang-undang yang mengawal pendedahan maklumat penting dan harga-sensitif. Syarikat mengambil kira sekatan-sekatan perundangan dan keperluan lazim di samping keperluan pelabur bagi pendedahan maklumat sensitif harga yang menepati masa seperti penyata dan hasil prestasi kewangan, perolehan penting, cadangan korporat yang penting serta peristiwa-peristiwa penting yang lain semasa mendedahkan maklumat sedemikian.

D. Kebertanggungjawaban dan Audit

Laporan kewangan

Lembaga berusaha untuk menyediakan dan membentangkan penilaian yang seimbang dan bermakna bagi prestasi kewangan dan prospek bagi setiap tahun kewangan, terutamanya melalui penyata kewangan tahunan, pengumuman suku tahunan hasil kepada pemegang saham, serta Penyata Pengerusi dan Tinjauan Operasi Perniagaan dalam laporan tahunan. Lembaga dibantu oleh Jawatankuasa Audit untuk menyelia proses pelaporan kewangan Kumpulan TWP dan kualiti pelaporan kewangannya.

Penyata tanggungjawab Pengarah ke atas penyediaan penyata kewangan audit

Lembaga bertanggungjawab memastikan bahawa penyata kewangan Kumpulan TWP memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan TWP dan Syarikat pada akhir tempoh perakaunan dan untung ruginya dan aliran tunai bagi tempoh akhir tersebut. Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah memastikan piawai perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh Malaysia Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dipatuhi dan pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat telah dibuat.

pernyataan tadbir urus korporat

Dalam menyediakan penyata kewangan, Pengarah telah memilih dan mengguna pakai dasar-dasar perakaunan yang sesuai secara tekal dan telah membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat. Lembaga juga mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk mengambil segala langkah yang munasabah terbuka kepada mereka untuk melindungi aset Kumpulan demi menghalang dan mengesan penipuan dan perkara yang tak kena.

Lembaga berpuas hati bahawa ia telah memenuhi obligasinya untuk membentangkan penilaian yang seimbang dan boleh difahami tentang kedudukan dan prospek Syarikat dalam Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan laporan tahunan ini.

Keadaan Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman yang dibekalkan dalam laporan tahunan ini menyediakan gambaran keseluruhan tentang keadaan kawalan dalaman di dalam Kumpulan TWP.

Hubungan Dengan Juruaudit

Ciri-ciri utama mengasaskan hubungan Jawatankuasa Audit dengan juruaudit luar terangkum dalam terma-terma rujukan Jawatankuasa Audit seperti yang terperinci dalam Laporan Jawatankuasa Audit dalam laporan tahunan ini.

Ringkasan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Audit sepanjang tahun, termasuk penilaian proses audit bebas, dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit dalam laporan tahunan ini.

Penyata ini disediakan menurut resolusi Lembaga Pengarah diluluskan pada 6 Mei 2009.



Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff
Pengerusi eksekutif

pernyataan kawalan dalaman

Pengenalan

Tata Tadbir Urus Korporat Malaysia (semakan 2007) dan Akta Syarikat 2007 (Pindaan) memerlukan lembaga pengarah syarikat tersenarai awam mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh demi melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan. Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad pula menghendaki para pengarah syarikat tersenarai menyertakan pernyataan dengan laporan tahunan mereka tentang keadaan kawalan dalaman syarikat. Lembaga Pengarah ("Lembaga") dengan sukacitanya menyediakan pernyataan ini yang menggariskan keadaan, sifat dan skop kawalan dalaman Kumpulan TWP sepanjang tahun ini.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga mengesahkan tanggungjawab keseluruhannya untuk mengekalkan kemampuan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan TWP dan telah mewujudkan proses untuk mengenalpasti, menilai dan menangani risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan.

Lembaga dengan bantuan Jawatankuasa Eksekutif yang terdiri daripada pihak pengurusan kanan yang merangkumi Ketua Operasi Perniagaan (Karton Bercetak dan Label), Pengurus Besar Kumpulan (Pembangunan Perniagaan Baru), Pengurus Besar Bahagian, dan Pengawal Kewangan ("EXCO") mengiktiraf kepentingan memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan pengurusan risiko yang berkesan demi membantu Kumpulan TWP mencapai objektif korporatnya. Oleh itu, semua kawalan yang perlu telah terjalin dalam operasi harian Kumpulan TWP dan membentuk sebahagian daripada budaya kerjanya dan kesedaran terhadap risiko dalam organisasi.

Lembaga berusaha untuk membentuk suatu sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi Kumpulan TWP yang meliputi inter alia, prosedur pengurusan risiko dan kawalan kewangan, operasi dan pematuhan. Walau bagaimanapun, memandangkan pengehadan semula jadi mana-mana sistem kawalan dalaman, sistem direka bentuk untuk mengurus berbanding menyingkirkan risiko menjalankan perniagaan. Justeru itu, ia hanya dapat menyediakan jaminan yang munasabah dan bukannya mutlak terhadap salah nyata atau kerugian yang utama.

Lembaga berpendapat bahawa sistem kawalan dalaman semasa memang wujud, memadai dan berkesan dilaksanakan di seluruh Kumpulan TWP untuk memelihara kepentingan kumpulan sepanjang tahun kewangan. Sistem ini akan sentiasa dikaji semula dan dipertingkatkan oleh Lembaga melalui Jawatankuasa Audit selaras dengan apa-apa perubahan dalam persekitaran operasi dalaman dan luaran.

Walaupun Lembaga memantau isu risiko dan kawalan, EXCO juga melaksanakan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang terangkum dalam rangka kerja yang mampan.

Proses Kawalan Dalaman Yang Utama

Proses utama yang telah diwujudkan dalam Kumpulan TWP untuk meninjau keutuhan sistem kawalan dalaman merangkumi yang berikut:

- EXCO membantu Lembaga dalam memastikan keberkesanan operasi harian Kumpulan menurut objektif korporat, strategik dan hala tuju perniagaan. Mesyuarat diadakan dari semasa ke semasa untuk meninjau strategik dan mengesahkan isu yang berpunca daripada isu operasi, kewangan dan pengurusan yang lain.

pernyataan kawalan dalaman

- Bahagian Audit Dalaman ("IAD") terdiri daripada pengaudit dalaman dan penasihat luaran dari BDO Governance Advisory Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab memantau kepatuhan terhadap dasar-dasar dan prosedur-prosedur, di samping mengenalpasti apa-apa penemuan ketara berkaitan dengan dasar dan prosedur yang tidak dipatuhi. Kerja pengauditan dilaksanakan sepanjang tahun untuk menyediakan satu laporan bebas terhadap aktiviti operasi dan pengurusan Kumpulan.
- Jawatankuasa Audit ("AC") meninjau semula dan meluluskan rancangan audit tahunan dan fungsian pengauditan dalaman. AC juga meninjau semula isu-isu kawalan dalaman yang dikenalpasti oleh IAD, pihak pengurusan dan pengaudit luaran. Minit mesyuarat AC dijadualkan dan dikemukakan kepada Lembaga setiap suku.
- Jawatankuasa Risiko ("RC") ditubuhkan untuk berkomunikasi dengan Lembaga berkaitan dengan risiko-risiko utama dan rancangan tindakan untuk menangani risiko-risiko. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Dalaman ("IRMC") ditubuhkan dan dipertanggungjawab untuk mengenalpasti, menilai dan berkomunikasi dengan RC berkaitan dengan risiko-risiko kritikal.
- Lembaga meninjau laporan daripada pihak pengurusan berdasarkan liputan asas sukuan, tetapi tidak tersekat kepada strategik, prestasi utama, sumber-sumber dan penunjuk risiko.
- Rancangan dan belanjawan perniagaan tahunan disediakan oleh unit perniagaan utama dan diluluskan oleh Lembaga. Prestasi unit perniagaan dinilai dan dibandingkan dengan belanjawan yang diluluskan berdasarkan asas sukuan. Penerangan disediakan bagi varian yang ketara. Tambahan lagi, prestasi Syarikat dan anak syarikatnya dipantau oleh EXCO melalui akaun-akaun pengurusan berdasarkan asas bulanan.
- Terdapat garis panduan yang baik disediakan dalam Kumpulan bagi pengambilan dan pemberhentian, program latihan formal dan penilaian prestasi pekerja secara tahunan.
- Terdapat garis panduan yang tepat disediakan bagi tanggungjawab, pengagihan kuasa dan pembahagian tugas dalam Kumpulan TWP.

Kelemahan dalam Kawalan Dalaman

Sebilangan kelemahan kawalan dalaman telah dikenal pasti sepanjang tahun kewangan ini. Tiada sebarang kelemahan yang mengakibatkan salah nyata yang penting atau kerugian yang perlu didedahkan dalam penyata laporan Kumpulan. Pihak pengurusan Syarikat terus mengambil langkah-langkah yang menepati masa untuk memperkukuhkan persekitaran kawalan dalaman.

Pernyataan ini disediakan menurut resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 6 Mei 2009.

informasi kepatuhan

syarat-syarat penyenaiaan bursa sekuriti

Informasi mengenai kepatuhan Syarat-syarat Penyenaiaan Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Sekuriti") adalah seperti berikut:-

1. Kegunaan Hasil kutipan yang diperolehi daripada Cadangan Korporat

Syarikat tidak memperoleh apa-apa dana daripada cadangan korporat sepanjang tahun kewangan.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 13 Syarat-syarat Penyenaiaan Bursa Sekuriti;

2. Beli-Balik Saham

Syarikat tidak membeli sebarang saham sendiri sepanjang tahun kewangan.

Seperti yang dikemukakan di Perenggan 12.24, Lampiran 12D Syarat-syarat Penyenaiaan Bursa Sekuriti;

3. Opsyen, Waran atau Sekuriti Pertukaran

Syarikat tidak mengeluarkan sebarang opsyen, waran atau sekuriti pertukaran dan tidak melaksanakan sebarang opsyen, waran atau sekuriti dalam sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2008 selain melaksanakan opsyen di bawah Skim Opsyen Saham Eksekutif seperti dikemukakan dalam laporan pengarah penyata kewangan.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 15 Syarat-syarat Penyenaiaan Bursa Sekuriti;

4. Resit Depositori Amerika ("ADR") atau Resit Depositori Global ("GDR")

Syarikat tidak menaja sebarang program ADR ataupun GDR pada tahun kewangan yang ditinjau.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 16 Syarat-syarat Penyenaiaan Bursa Sekuriti;

5. Hukuman dan/atau Denda

Tidak ada sebarang hukuman dan/atau denda yang dihadapi oleh Syarikat dan anak syarikat, Pengarah atau Pengurusan oleh badan pengawalan yang berkenaan pada tahun kewangan ini.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 17 Syarat-syarat Penyenaiaan Bursa Sekuriti;

6. Yuran Bukan Audit

Jumlah yuran bukan audit telah dibayar kepada juruaudit luar dan rakan syarikatnya dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:-

	RM
(a) KPMG Ltd, Vietnam	15,710
(b) KPMG, Australia	124,843
Jumlah	140,553

Seperti yang dikemukakan di Lampiran 9C, Bahagian A, butir 18 Syarat-syarat Penyenaiaan Bursa Sekuriti;

7. Variasi dalam Hasil

Tidak ada anggaran keuntungan, ramalan atau unjuran dikeluarkan oleh Syarikat dan anak syarikatnya pada tahun kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 19 Syarat-syarat Penyenaiaan Bursa Sekuriti;

8. Jaminan Keuntungan

Tidak ada jaminan keuntungan diberi oleh Syarikat dan anak syarikatnya pada tahun kewangan ini.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 20 Syarat-syarat Penyenaiaan Bursa Sekuriti;

informasi kepatuhan syarat-syarat penyenaaraian bursa sekuriti

9. Kontrak Material

Seperti yang dikemukakan di bawah, tidak ada sebarang kontrak material lain (tidak ambil kira kontrak yang dimasukkan dalam perniagaan harian) yang dimasuki oleh Syarikat dan/atau anak syarikatnya yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang saham utama yang masih wujud pada hujung tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 mahupun dimasuki sejak akhir tahun kewangan yang lalu.

- (i) Pada 18 September 2007, Syarikat memasuki Perjanjian Pembelian Saham Bersyarat dengan New Toyo International Holdings Ltd ("NTIH") untuk memperoleh 350,000 saham biasa dalam New Toyo Investments Pte Ltd ("NTIV"), subsidiari milikan penuh NTIH, iaitu 100% daripada modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat, bagi pertimbangan belian sebanyak USD8,000,000 yang akan dijelaskan sepenuhnya dalam wang tunai. Perolehan disempurnakan pada 21 Disember 2007.
- (ii) Pada 1 Julai 2008, Syarikat bersama dengan New Toyo International Holdings Ltd ("NTIH") telah memasuki satu perjanjian jual & beli bersyarat dengan BAT Australia ("BATA") untuk memperoleh kepentingan ekuiti keseluruhan dalam Anzpac Services (Australia) Pty Limited ("Anzpac") bagi satu pertimbangan tunai AUD60 juta ("Pemerolehan") yang merangkumi syarat-syarat di bawah:
 - (a) hak terhadap satu perjanjian pembekalan selama tujuh (7) tahun dengan BATA untuk membekal 100% keperluan karton bercetak BATA di Australasia dengan hak untuk melanjutkan tempoh pembekalan selama tiga (3) tahun tambahan dengan syarat yang tidak kurang bermanfaat berbanding dengan syarat yang ditawarkan oleh pembekal pihak ketiga, dan
 - (b) hak untuk membekal 100% keperluan karton bercetak BAT di pasaran tempatan dan/atau eksport, khususnya di Malaysia, Singapura dan Vietnam selama tujuh (7) tahun dengan hak untuk melanjutkan tempoh pembekalan selama tiga (3) tahun tambahan dengan syarat yang tidak kurang bermanfaat berbanding dengan syarat yang ditawarkan oleh pembekal pihak ketiga.

Untuk menabung Perolehan ini, Max Ease International Ltd ("MEIL"), syarikat usaha sama yang TWPH dan NTIH memegang 51% dan 49% kepentingan ekuiti masing-masing, telah mengambil peminjaman luaran dan TWPH dan NTIH telah memberikan satu jaminan korporat yang bersesuaian terhadap MEIL dalam peminjaman berkenaan. Tambahan kepada jaminan korporat, TWPH juga telah menyediakan bantuan kewangan selanjut kepada MEIL dalam bentuk pinjaman pemegang saham dan mungkin menyediakan dengan selanjutnya pinjaman pemegang saham pada masa kelak.

Perjanjian telah disempurnakan pada 31 Oktober 2008;

- (iii) Perjanjian Usaha Sama bertarikh 8 September 2008 dimasuki oleh Syarikat dengan NTIH untuk memperoleh seluruh kepentingan ekuiti dalam MEIL bagi satu pertimbangan tunai HKD6,450 untuk menjalin satu usaha sama di antara TWPH dan NTIH di mana MEIL akan menjadi syarikat usaha sama ("Usaha Sama"). Perjanjian telah disempurnakan pada 31 Oktober 2008;
- (iv) Satu perjanjian jual dan beli bersyarat bertarikh 8 September 2008 dimasuki oleh Syarikat dan New Toyo Lamination (M) Pte Ltd ("NTLM"), yang dianggapnya pemegang saham utama, untuk menghapus kira 1,020,000 saham biasa yang bernilai RM1.00 sesaham mewakili 51% modal saham yang diterbitkan dan dibayar Paper Base Converting Sdn. Bhd. ("PBC") kepada NTLM bagi satu pertimbangan tunai RM5.219 juta tolak apa-apa dividen yang dibayar dari masa menandatangani perjanjian berkenaan sehingga penyempurnaan penghapuskiraan. Perjanjian berkenaan telah disempurnakan pada 4 Disember 2008.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 21 Syarat-syarat Penyenaaraian Bursa Sekuriti;

10. Penilaian Semula Harta Tanah

Polisi penilaian harta tanah dikemukakan dalam Nota 2 (d) penyata kewangan.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 24 Syarat-syarat Penyenaaraian Bursa Sekuriti;

informasi Kepatuhan syarat-syarat penyenaraian bursa sekuriti

11. Transaksi Berulangan Parti Berkaitan bersifat Pendapatan atau Perdagangan ("RRPT")

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan pada 12 Jun 2008, Syarikat telah memperoleh mandat pemegang saham untuk membenarkan Kumpulan TWP menyertai RRPT bersama pihak-pihak berkaitan yang perlu untuk operasi harian. Mandat RRPT tersebut sah sehingga selesainya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat Ke-14 yang akan diadakan pada 15 Jun 2009.

Butir-butir RRPT yang dikendalikan dalam tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2008 selaras dengan mandat pemegang saham yang berkenaan adalah seperti berikut:-

Nama syarikat	Nama Syarikat yang digunakan untuk transaksi	Jenis transaksi	Nilai Transaksi RM '000	Pihak berkaitan	Hubungan dengan Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWPH")
1. Tien Wah Press (M) Sdn Bhd ("TWPM") dan Tien Wah Properties Sdn Bhd ("TWPP")	Paper Base Converting Sdn Bhd ("PBC")	(i) Pembelian bahan mentah (ii) Penjualan kalendar (iii) Sewaan bangunan kilang dan pejabat	826 (2) (50)	Pengarah (i) Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff ("Tengku Mahaleel") (ii) Gary Yen Pemegang Saham Utama (i) NTIH (ii) New Toyo Lamination (M) Pte Ltd ("NTL") (iii) Tien Wah Holdings (1990) Sdn Bhd ("TWH") (iv) Singapore Pacific Investments Pte Ltd ("SPI") (v) Yen Wen Hwa (vi) Lu Le Nhi (vii) Yen & Son Holdings Pte Ltd ("YSH")	(i) Tengku Mahaleel merupakan pengarah TWPH dan juga pengarah NTIH. (ii) Gary Yen merupakan pengarah TWPH dan Pengarah eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif NTIH dan orang yang berkait dengan Yen Wen Hwa. NTIH merupakan pemegang saham utama TWPH melalui pemegang saham dalam TWH dan SPI. NTL adalah pemegang saham utama TWPH melalui pemegang saham dalam TWH. Sejak 4 Disember 2008, PBC menjadi anak syarikat milik penuh NTIH. TWH adalah pemegang saham utama TWPH dengan 24.0% kepentingan ekuiti langsung pada 4 Mei 2009. SPI adalah pemegang saham utama TWPH dengan 29.9% kepentingan ekuiti langsung pada 4 Mei 2009. Yen Wen Hwa adalah pemegang saham utama TWPH melalui pemegang sahamnya dalam YSH dan NTIH. Lu Le Nhi adalah pemegang saham utama TWPH melalui saham yang dipegang oleh suaminya, Yen Wen Hwa dan pemegang sahamnya dalam YSH dan NTIH. YSH adalah pemegang saham utama TWPH melalui pemegang sahamnya dalam NTIH.
2. TWPM, Alliance Print Technologies Co Ltd ("APT") dan PBC	NTIH	(i) Bayaran yuran pengurusan (ii) Jaminan keuntungan belum diterima	1,303 (1,219)	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti terdapat dalam transaksi pendedahan di atas no: 1	Hubungan semulajadi bagi parti berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam transaksi pendedahan di atas no: 1
3. APT dan PBC	New Toyo International Co (Pte) Ltd ("NTIT")	(i) Jualan kertas papan kotak (ii) Belian aluminium berlapis	(2,918) 8,973	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti yang ditunjukkan dalam transaksi pendedahan di atas no. 1	Hubungan semulajadi bagi parti berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam transaksi pendedahan di atas no: 1 NTIT merupakan anak syarikat milik penuh NTIH, syarikat pemegang TWPH.

informasi Kepatuhan syarat-syarat penyenaraian bursa sekuriti

Nama syarikat	Nama Syarikat yang digunakan untuk transaksi	Jenis transaksi	Nilai Transaksi RM '000	Pihak berkaitan	Hubungan dengan Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWPH")
4. PBC dan APT	New Toyo Aluminium Paper Product Co Ltd ("NTA")	(i) Penjualan bahan mentah (ii) Pembelian bahan mentah	(4,079) 1,027	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti terdapat dalam transaksi pendedahan di atas no: 1	Hubungan semulajadi bagi parti berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam transaksi pendedahan di atas no: 1 NTA merupakan anak syarikat milikan penuh NTIH, syarikat pemegang TWPB.
5. APT	New Toyo (Vietnam) Aluminium Paper Packaging Co Ltd ("NTVN")	(i) Penjualan bahan mentah (ii) Pembelian bahan mentah	(346) 1,405	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti terdapat dalam transaksi pendedahan di atas no: 1	Hubungan semulajadi bagi parti berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam transaksi pendedahan di atas no: 1 NTVN merupakan anak syarikat milikan penuh NTIH, syarikat pemegang TWPB.
6. APT, PBC dan TWPM	Toyoma Aluminium Foil Packaging Sdn Bhd ("TAF")	(i) Penjualan bahan mentah (ii) Pembelian bahan mentah (iii) Sewaan bangunan kilang	(85) 82 33	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti terdapat dalam transaksi pendedahan di atas no: 1	Hubungan semulajadi bagi parti berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam transaksi pendedahan di atas no: 1 TAF merupakan syarikat bersekutu NTIH dan 40% dimiliki oleh Tengku Mahaleel, pengarah TWPH.
7. APT	Toyo (Viet) Paper Product Co Ltd ("TV")	(i) Penjualan aset tetap (ii) Pembelian bahan mentah (iii) Sewaan bangunan kilang	(2,884) 310 218	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti terdapat dalam transaksi pendedahan di atas no: 1	Hubungan semulajadi bagi parti berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam transaksi pendedahan di atas no: 1 TV merupakan anak syarikat milikan penuh NTA, yang merupakan anak syarikat milikan penuh NTIH, syarikat pemegang TWPB.
8. APT	Vina Toyo Co Ltd ("VT")	(i) Penjualan bahan mentah (ii) Pembelian sub bahan	(509) 176	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti terdapat dalam transaksi pendedahan di atas no: 1	Hubungan semulajadi bagi parti berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam transaksi pendedahan di atas no: 1 VT merupakan 50% syarikat milikan NTIH, yang merupakan anak syarikat milikan penuh NTIH, syarikat pemegang TWPB.
JUMLAH			2,261		

Harga transaksi, terma dan syarat ditentukan oleh kuasa pasaran dan boleh dibandingkan kepada transaksi yang berkaitan dengan orang ramai, yang bergantung pada permintaan dan pembekalan produk dan perkhidmatan. Layanan terpilih tidak diberi kepada pihak berkaitan.

Seperti dikemukakan di Perenggan 10.09(1)(b) Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

Laporan jawatankuasa audit

1. KEAHLIAN

Ahli Jawatankuasa Audit masa kini terdiri daripada:-

- | | | |
|---|---|---|
| 1. En Goh Seng Chuan | - | Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas |
| 2. Lt Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hasan | - | Pengarah Bukan Eksekutif Bebas |
| 3. En Tung Kum Hon | - | Pengarah Bukan Eksekutif, Bukan Bebas |

En Tung Kum Hon merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia. Berhubungan ini, Syarikat telah mematuhi perenggan 15.10(1)(c)(i) Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad.

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit tidak boleh mempunyai hubungan yang akan, pada pendapat Lembaga Pengarah, mempengaruhi keputusan bebas dalam melaksanakan fungsi Jawatankuasa Audit. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit juga mesti memiliki pertimbangan yang mendalam, berobjektif, bersifat bebas, berpengalaman dan berpengetahuan mengenai industrinya. Semua ahli Jawatankuasa Audit mestilah mempunyai pengetahuan dalam kewangan dan dapat menganalisis dan menaksir penyata-penyata kewangan agar dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka selaku ahli Jawatankuasa Audit secara berkesan.

Kehadiran

Jawatankuasa Audit telah mengadakan empat (4) mesyuarat, setiap satu suku tahun, tahun kewangan ini. Mesyuarat-mesyuarat tersebut telah distrukturkan dengan sewajarnya melalui penggunaan agenda, yang diedarkan kepada ahli-ahli dengan memberi tempoh notis yang secukupnya. Satu korum seharusnya mempunyai kebanyakan pengarah yang bebas.

Pengawal Kewangan, Ketua audit dalaman dan Setiausaha Syarikat telah menghadiri semua mesyuarat. Wakil-wakil juruaudit luaran, Tetuan KPMG dan juruaudit dalaman dan pegawai pengurusan kanan lain turut menghadiri mesyuarat tertentu atas jemputan.

Berikut adalah butir-butir kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Audit pada mesyuarat sepanjang tempoh tahun kewangan ini:-

Nama	Bilangan Mesyuarat		%
	Diadakan	Dihadiri	
En Goh Seng Chuan	4	4	100
Lt Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hassan	4	4	100
En Tung Kum Hon	4	3	75

2. KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

Jawatankuasa Audit hendaklah dilantik oleh para Pengarah dari kalangan mereka (menurut resolusi Lembaga Pengarah) yang memenuhi keperluan berikut:

- Jawatankuasa Audit mesti mangandungi tidak kurang daripada tiga (3) ahli;
- bilangan majoriti ahli Jawatankuasa Audit mestilah terdiri daripada pengarah bebas;
- semua ahli Jawatankuasa Audit termasuk Pengerusi mestilah terdiri daripada pengarah bukan eksekutif;
- semua ahli Jawatankuasa Audit mestilah mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan yang mendalam; dan

Laporan Jawatankuasa Audit

- e) sekurang-kurangnya seorang (1) daripada ahli Jawatankuasa Audit
- (i) mestilah merupakan ahli Institute Akauntan Malaysia (“MIA”); atau
 - (ii) jika beliau bukan ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dan:
 - beliau mestilah lulus peperiksaan yang ditetapkan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967; atau
 - Beliau mestilah ahli salah sebuah persatuan akauntan yang ditetapkan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967.
 - (iii) menepati keperluan yang ditetapkan atau diluluskan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah melantik seorang pengerusi daripada kalangan mereka sendiri, yang seharusnya seorang pengarah bebas.

Sekiranya terdapat jawatan kosong dalam Jawatankuasa Audit yang menyebabkan tidak mematuhi butiran (a) ke (c) di atas, jawatan kosong tersebut mesti diisi dalam masa tiga (3) bulan selepas peristiwa tersebut.

Lembaga Pengarah mesti mengkaji semula tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun untuk menentukan sama ada Jawatankuasa Audit dan ahli-ahlinya melaksanakan tugas mengikut rujukan terma. Dalam tahun kewangan yang ditinjau ini, Lembaga Pengarah telah meninjau semula bidang tugas dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahli Jawatankuasa Audit.

Fungsi

Berikut adalah fungsi-fungsi Jawatankuasa Audit:-

- a) mengkaji perkara-perkara yang berikut dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah:-
 - i) dengan juruaudit luar, rancangan audit;
 - ii) dengan juruaudit luar, penilaiannya tentang sistem kawalan dalaman;
 - iii) dengan juruaudit luar, laporan auditnya;
 - iv) bantuan yang diberikan oleh pekerja Syarikat kepada juruaudit luar; dan
 - v) sebarang urusan dan konflik yang timbul di dalam Syarikat atau Kumpulan, termasuk sebarang urusan, prosedur atau kelakuan yang mungkin menimbulkan persoalan tentang keutuhan pengurusan.
- b) mempertimbangkan pelantikan juruaudit luar, yuran audit dan perkara mengenai perletakan atau pemecatan jawatan;
- c) berbincang dengan juruaudit luar mengenai ciri-ciri dan skop audit sebelum audit dimulakan, dan memastikan audit berjalan dengan lancar jika lebih daripada satu firma audit terlibat;
- d) mengkaji semula penyata kewangan suku tahunan dan akhir tahun Syarikat, dengan memberikan tumpuan khusus pada:-
 - Apa-apa perubahan dasar dan amalan perakaunan;
 - Penyesuaian penting yang berasal daripada audit;
 - Andaian perniagaan yang berterusan; dan
 - Kepatuhan terhadap piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
- e) membincangkan masalah dan keraguan yang timbul daripada audit sementara dan akhir, dan apa-apa perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit (tanpa kehadiran pihak pengurusan jika perlu)

Laporan jawatankuasa audit

- f) mengkaji surat pengurusan juruaudit luar dan jawapan pihak pengurusan;
- g) untuk melaksanakan perkara berikut berkaitan dengan fungsi juruaudit dalaman:-
- Menubuhkan fungsi audit dalaman yang bebas daripada aktiviti-aktiviti yang diaudit dan melantik ketua audit dalaman yang akan melapor terus kepada Jawatankuasa Audit;
 - Mengkaji kecekapan skop, fungsi dan sumber audit dalaman; dan memastikannya mempunyai kuasa yang cukup untuk menjalankan tugas mereka;
 - Mengkaji program audit dalaman dan keputusan audit dalaman, dan jika perlu, memastikan tindakan yang sewajarnya dilaksanakan ke atas cadangan fungsi audit dalaman;
 - Mengkaji apa-apa penilaian atau taksiran ke atas prestasi ahli fungsi audit dalaman;
 - Meluluskan apa-apa pelantikan atau penamatan ahli kakitangan kanan fungsi audit dalaman;
 - Mengambil maklum peletakan jawatan ahli kakitangan audit dalaman dan memberi ahli kakitangan peluang untuk mengemukakan sebab-sebab beliau meletak jawatan;
 - Menyediakan laporan, sekurang-kurangnya sekali (1) setahun, kepada pihak Lembaga dengan membuat ringkasan tentang aktiviti-aktiviti audit dalaman yang telah dilaksanakan dalam menunaikan tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit, termasuk butir-butir tentang latihan berkaitan yang dihadiri oleh setiap ahli Jawatankuasa Audit.
- h) mempertimbangkan keputusan utama siasatan dalaman dan balasan pengurusan;
- i) mempertimbangkan perkara-perkara lain seperti yang ditentukan oleh pihak Lembaga.

Hak Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit hendaklah, sekiranya perlu dan wajar bagi Syarikat untuk melaksanakan tugasnya, mengikut prosedur yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dan atas kos Syarikat:-

- a) mempunyai kuasa untuk menyasiat sebarang perkara di dalam rujukan termanya;
- b) mempunyai sumber yang secukupnya untuk melaksanakan tugasnya;
- c) mempunyai akses sepenuhnya tanpa had kepada semua maklumat berkaitan dengan Syarikat;
- d) mempunyai saluran komunikasi yang terus kepada juruaudit luar dan sesiapa sahaja yang melaksanakan fungsi dan kegiatan audit dalaman berdasarkan asas berterusan agar dapat dimaklumkan perkara-perkara yang mempengaruhi Kumpulan TWP;
- e) boleh mendapat nasihat profesional bebas atau nasihat lain seperti yang dipertimbangkan perlu; dan
- f) boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar, juruaudit dalaman atau kedua-duanya bersama-sama, tanpa kehadiran pengarah dan pekerja lain Kumpulan, pada bila-bila masa yang dianggap perlu.

Mesyuarat

Jawatankuasa Audit seharusnya bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, dengan mesyuarat tambahan boleh diadakan menurut kehendak Pengerusi untuk melaksanakan tugasnya. Butiran bagi kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Audit di mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan telah dicatatkan dalam perenggan "Kehadiran" dalam Laporan Jawatankuasa Audit ini.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat dengan juruaudit luar sekurang-kurangnya dua kali setahun tanpa kehadiran ahli eksekutif Lembaga. Pada tahun ini, Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat dengan Juruaudit Luar secara berasingan dua (2) kali tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif dan pihak pengurusan kanan.

Secara tambahan, Pengerusi boleh mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Audit sekiranya permintaan dibuat oleh mana-mana ahli Jawatankuasa Audit, EXCO atau juruaudit dalaman atau luar.

Laporan jawatankuasa audit

Setiausaha Syarikat atau pegawai kanan lain seharusnya bertindak sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Audit dan seharusnya bertanggungjawab, selaras dengan Pengerusi, dalam menyediakan agenda dan pengedarannya, disokong oleh dokumen penerangan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Audit sebelum setiap mesyuarat.

Setiausaha juga bertanggungjawab mencatatkan minit mesyuarat Jawatankuasa Audit, dan mengedarkannya kepada ahli-ahli Jawatankuasa Audit dan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain.

Suatu korum mesti terdiri daripada bilangan majoriti pengarah bebas.

Pengawal kewangan, Ketua audit dalaman dan seorang wakil juruaudit luar harus menghadiri mesyuarat. Jawatankuasa Audit boleh jika perlu pada bila-bila masa menjemput para Pengarah lain, pihak pengurusan kanan dan kakitangan Syarikat menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit yang tertentu.

Selain daripada mesyuarat, Pengerusi Jawatankuasa Audit mesti secara berterusan, melibatkan pihak pengurusan kanan, seperti Pengerusi Eksekutif, Pengawal Kewangan, Pengurus Besar Bahagian, Ketua Operasi Kumpulan, Ketua Audit Dalaman dan juruaudit luar agar sentiasa dikemaskinikan sewajarnya tentang perkara-perkara yang membawa kesan kepada Kumpulan.

3. RINGKASAN KEGIATAN

Jawatankuasa Audit menjalankan fungsi dan tugasnya menurut terma rujukannya yang dinyatakan dalam perenggan "Komposisi dan Terma Rujukan" dalam Laporan Jawatankuasa Audit pada tahun kewangan ini.

Dalam tahun kewangan ditinjau ini, isu-isu utama yang lain dikaji oleh Jawatankuasa Audit diringkaskan seperti berikut:-

- Mengkaji isu-isu penting Kumpulan TWP, yang mempunyai kesan yang ketara terhadap keputusan Kumpulan yang merangkumi aktiviti-aktiviti pemasaran berkaitan dengan perkembangan pasaran luar negara, percantuman dan pemerolehan yang berpotensi dan juga peningkatan hubungan dengan pelanggan utama.
- Meninjau laporan audit dalaman yang disediakan oleh Ketua audit dalaman, yang memberi fokus pada isu-isu audit, cadangan-cadangan dan balasan pihak pengurusan. Berbincang dengan pihak pengurusan tentang tindakan yang diambil untuk mempertingkatkan sistem kawalan dalaman berdasarkan peluang peningkatan yang dikenalpasti dalam laporan audit dalaman.
- Meninjau Laporan Jawatankuasa Audit, Pernyataan Tadbir Urus Korporat, Pernyataan Kawalan Dalaman untuk dilampirkan dalam laporan tahunan dan penyata kewangan beraudit Syarikat sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan mereka. Tinjauan ini adalah bertujuan untuk memastikan penyata kewangan beraudit disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan diluluskan yang berkenaan.
- Meninjau pengumuman keputusan kewangan suku tahunan tidak beraudit sebelum mencadangkannya bagi kelulusan Lembaga Pengarah.
- Meninjau transaksi pihak berkaitan yang dimasuki oleh Kumpulan TWP.

4. PROGRAM LATIHAN

Sepanjang tahun kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008, program latihan dan seminar yang dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa Audit termasuk bidang berkaitan dengan perniagaan, tadbir urus korporat, kewangan dan perakaunan korporat untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka agar dapat membolehkan mereka melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan dan kursus-kursus yang dihadiri adalah seperti berikut:

- Memahami Pelaporan Kewangan bagi para Pengarah dan pihak pengurusan kanan
- Kewangan bagi para Pengarah dan eksekutif kanan
- Tata Kepatuhan Korporat dan Kelakuan Etika

Laporan jawatankuasa audit

5. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman bagi tahun kewangan ini dikendalikan oleh BDO Governance Advisory Sdn Bhd dan unit audit dalaman Kumpulan sendiri. Kedua-duanya adalah bebas daripada kegiatan atau operasi Syarikat. Peranan utama audit dalaman adalah untuk mengendalikan pengajian sistematik dan bebas, terhadap sistem-sistem kawalan dalaman untuk memberi jaminan munasabah bahawa sistem-sistem ini terus beroperasi secara efektif dan puas. Tanggungjawab juruaudit dalaman adalah menyediakan audit laporan yang bebas dan berobjektif kepada Jawatankuasa Audit mengenai keadaan pengurusan risiko, kawalan dan pentadbiran pelbagai unit operasi dalam Kumpulan TWP dan kepatuhan unit-unit terhadap prosedur Kumpulan TWP yang ditetapkan di samping keperluan undang-undang yang berkaitan.

Butir-butir aktiviti lanjut mengenai kegiatan jabatan audit dalam kumpulan dikemukakan dalam Pernyataan Kawalan Dalaman laporan tahunan.

Kos yang dikenakan bagi pemberian fungsi audit dalaman kepada firma profesional bebas dan audit dalaman kumpulan sendiri sepanjang tahun kewangan ini adalah berjumlah kira-kira RM57,000 termasuk perbelanjaan.

6. PERNYATAAN OLEH JAWATANKUASA AUDIT

Tiada opsyen saham ditawarkan kepada pekerja yang layak atau pengarah bukan eksekutif pada tahun yang berakhir pada 31 Disember 2008. Skim Opsyen Saham Eksekutif telah tamat tempoh pada 4 Februari 2008.

Laporan Jawatankuasa Audit ini disediakan menurut resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 6 Mei 2009.



fokus

Maju dengan pengambilan langkah secara beransuran merupakan kunci menghala ke kejayaan kami. Strategi dan visi korporat kami menghala ke arah yang sama – menokok tambah nilai dan pulangan pemegang saham.

tanggung jawab sosial korporat

Rangka Kerja Tanggungjawab Sosial Korporat (“CSR”) Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”) bagi Syarikat Tersenarai Awam telah mentafsirkan CSR sebagai “amalan perniagaan yang terbuka serta telus berdasarkan nilai-nilai etika dan rasa hormat kepada masyarakat, pekerja, alam sekitar, pemegang saham dan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Ia dibentuk untuk menyampaikan nilai mampan kepada masyarakat umum.”

TWP sedar akan obligasinya mendukung tingkah laku perniagaan beretika dalam pengendalian aktiviti perniagaannya dan berikhtiar mengamalkan kesemuanya secara terbuka, telus dan dengan sikap bertanggungjawab terhadap pasaran, masyarakat, tempat kerja dan persekitaran.

1. Dimensi Pasaran

Tadbir Urus Korporat

Dalam usaha kami ke arah tadbir urus korporat yang cemerlang, kami telah mencatatkan peristiwa penting apabila TWP dianugerahkan Kecemerlangan Industri bagi Produk-produk Perindustrian di Papan Kedua bagi pelaporan tahun 1998 ke tahun 2001 dan tahun 2004 ke tahun 2007. Anugerah ini menjadi bukti kukuh mengenai komitmen, usaha dan kesungguhan kami dalam mencapai tahap ketelusan dan kebertanggungjawaban terhadap para pelabur. Piawaian tinggi juga ditetapkan untuk memastikan laporan tahunan kami diterbitkan dalam cara yang tepat pada masanya, bermaklumat, berfakta di samping mesra pembaca terhadap para pelabur.

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Selaras dengan amalan tadbir urus yang baik di seluruh dunia, kami mengekalkan suatu tahap ketelusan yang tinggi dalam urusan kami dengan pelbagai pemegang berkepentingan melalui pelbagai saluran telekomunikasi seperti taklimat secara bersemuka, mesyuarat tetap, telesidang, tinjauan, pendedahan maklumat yang tepat pada masanya kepada Bursa Securities, mesyuarat agung tahunan, laporan tahunan dan pemaparan maklumat terkini di laman web Syarikat.

Amalan Pemerolehan

Dalam menguruskan isu-isu berkaitan dengan pemerolehan bekalan kami, TWP mengambil kira kriteria tertentu yang perlu dipenuhi oleh pembekal utama kami. Beberapa daripada kriteria tersebut adalah keperluan mempunyai suatu sistem kawalan persekitaran dan piawaian kesihatan dan keselamatan yang baik. Berhubungan dengan ini, TWP menunjukkan keutamaannya terhadap rakan perniagaan yang mempunyai nilai-nilai yang sama dengannya.

ISO 9001:2000-Diperakui

TWP Malaysia merupakan sebuah organisasi ISO 9001:2000-diperakui. Pengakuan ini telah disahkan semula tahun ini selepas satu tinjauan terhadap sistem dan proses TWP Malaysia dijalankan oleh TUV Rheinland Malaysia, pejabat setempat bagi TUV Rheinland Group.

ISO 9001:2000 merupakan standard terkini bagi sistem pengurusan berkualiti, salah satu standard terkenal dikeluarkan oleh International Organization for Standardization (“ISO”). Standard berkenaan adalah berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- Fokus pada pelanggan
- Pemimpinan
- Penglibatan tenaga kerja
- Pendekatan proses
- Pendekatan sistem terhadap pengurusan
- Peningkatan berterusan
- Pendekatan berdasarkan fakta dalam membuat keputusan
- Hubungan dengan pembekal yang memanfaatkan dua pihak

2. Dimensi Tempat Kerja

Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (“HSE”)

Jawatankuasa HSE diketuai oleh Pengerusi Eksekutif telah dibentuk pada tahun 2007 untuk memastikan semua hal ehwal kesihatan, keselamatan dan alam sekitar dilaksanakan secara berterusan dan berkesan di seluruh organisasi. Untuk memastikan hal ehwal HSE diberikan perhatian secara berkesan di seluruh syarikat, 12 subjawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji bahagian-bahagian tertentu seperti penyelenggaraan dan kebersihan, bahaya kebakaran, pencegahan kecederaan, sikap pekerja, kawalan

tanggungjawab sosial korporat

serangga, bahan berbahaya, persediaan mesin dan waktu lengai, penyimpanan stok, pembaikpulihan dan kebocoran, kualiti produk, forklif dan lif kargo dan juga pembuangan sisa. Semua peringkat pekerja sama ada kakitangan biasa mahupun dari peringkat pengurusan kanan digalakkan memainkan peranan dalam mengenal pasti dan menyelesaikan mana-mana isu keselamatan yang bakal berlaku. Struktur Jawatankuasa HSE TWP ditunjukkan di bawah.

Kempen Penyedaran HSE yang dianjurkan tahun sebelum ini, dengan moto " Saya selamat dan saya tidak membazir", telah diteruskan sepanjang tahun 2008. Ini sebahagian daripada komitmen kami untuk bertindak secara bertanggungjawab terhadap persekitaran di samping menyediakan satu tempat kerja selamat untuk semua kakitangan. Kewujudan piala tinggi HSE telah memainkan peranan utama dalam pengiktirafan TWP sebagai "pembekal yang diluluskan" oleh British American Tobacco Malaysia.


Jawatankuasa Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar



Peningkatan Berterusan Kaizen

Pada Oktober 2008, TWP Malaysia dengan secara rasminya menerap konsep Kaizen sebagai sebahagian daripada identiti korporatnya. Kaizen yang membawa makna "peningkatan", merupakan falsafah yang mementingkan peningkatan berterusan sepanjang semua pengendalian perniagaan termasuk semua pekerja dari tahap rendah hingga tahap paling tinggi. Apabila berjaya dan terbukti dilaksanakan, Kaizen akan dilanjutkan ke operasi TWP di tempat kerja lain.

Antara objektif utama yang TWP berusaha gigih untuk mencapai melalui Kaizen adalah pembasmian pembaziran (dalam bentuk bahan, masa, wang dan usaha), kawalan kualiti dan penjagaan pelanggan. Untuk memudahkan pelaksanaan Kaizen, 10 kumpulan di bawah pengarah Pengerusi Eksekutif kami turut dibentuk. Setiap kumpulan ini diketuai oleh ahli EXCO atau Ketua Jabatan seperti struktur berikut:



tanggungjawab sosial korporat

Keselamatan Tempat Kerja

Kami percaya akan menyediakan satu tempat kerja yang selamat dan sesuai bagi semua pekerja dengan menyediakan kelengkapan perlindungan dan mengamalkan amalan keselamatan tempat kerja yang bagus. Antaranya adalah seperti berikut:

Peralatan Perlindungan

Pekerja-pekerja dibekalkan peralatan perlindungan seperti gogal, sarung tangan perlindungan, kasut but getah semasa pengendalian bahan kimia ketika membasuh silinder pencetakan atau mengendalikan pelarut. Sebagai tambahan, pekerja yang mengendalikan pelarut akan disediakan peralatan perlindungan pernafasan. Penyumbat telinga atau pelindung telinga disediakan bagi pekerja bekerja di kawasan-kawasan yang dipaparkan tanda "Perlindungan Pendengaran Diperlukan".

Amalan Keselamatan

Demi memastikan semua kontraktor ad hoc yang bekerja di tapak premis kami berkelayakan dan prihatin terhadap keselamatan, kami telah mengguna pakai Sistem Permit Kebenaran Kerja (PTW) yang memerlukan permit kerja yang berkenaan mengikut jenis pekerjaan yang dijalankan. Begitu juga apa-apa tugas yang memerlukan penguraian peralatan elektrik, hanya boleh dilakukan oleh seorang juruelektrik yang sah. Ini selaras dengan prinsip "Utamakan Keselamatan" kami. Kami juga mengamalkan Analisis Keselamatan Tugas (JSA) untuk tugas yang dianggap berbahaya atau berisiko untuk menentukan langkah-langkah keselamatan yang perlu disediakan sebelum sesuatu tugas dibenarkan dijalankan. Berhubung dengan kemasukan ke ruang tertutup, semua langkah keselamatan mesti diambil untuk mengekalkan suatu

suasana selamat di ruang tertutup bagi tempoh berada di ruang tersebut. Selain itu, pekerja mestilah menggunakan peralatan tangan yang sesuai dan memakai pakaian perlindungan apabila perlu demi mencegah kemalangan perindustrian.


Kajian Keselamatan Persekitaran Bekerja

Sepanjang tahun ini, kajian dalaman telah dijalankan untuk menilai keselamatan persekitaran tempat bekerja di dalam premis TWP, di dalam bangunan kilang dan juga dalam pejabat pentadbiran. Tindakan segera telah diambil untuk memperbetulkan kelemahan yang dikenalpasti dalam kajian ini.

3. Pembangunan Modal Manusia

Latihan dan Pembangunan

Di TWP, salah satu daripada aset paling penting adalah pekerjaannya. Justeru itu, kami memandang serius pembangunan modal manusia kami dan amat menghargai sumbangan mereka kepada syarikat. Pada tahun 2008, kami telah menjalankan banyak latihan dan seminar, sama ada kursus dalaman mahupun kursus kendalian perunding luar, untuk mempromosi dan melengkapkan para pekerja dengan kemahiran yang betul dan pengetahuan kerja untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam kerja mereka. Pada tahun 2008, 47 program latihan telah diadakan bagi manfaat 227 pekerja Kumpulan TWP yang meliputi pelbagai topik contohnya peningkatan kualiti, pengetahuan produk, pengetahuan praktis mengenai pencetakan, dan teknologi maklumat. Jumlah jam latihan yang dilengkapkan pada tahun 2008 adalah kira-kira 3300 jam.



tanggungjawab sosial korporat

Manfaat dan Kebajikan

Untuk menyediakan kualiti hidup yang lebih baik bagi tenaga kerja kami di samping memupuk budaya berasaskan prestasi dalam organisasi, kami percaya bahawa pekerja yang berprestasi baik hendaklah diberikan ganjaran yang sewajarnya. Oleh itu, kami sentiasa berusaha untuk memperbaiki keberkesanan sistem penilaian prestasi kami demi memberikan pengiktirafan dan ganjaran yang sewajarnya. TWP juga menyediakan manfaat-manfaat kepada para pekerja kami seperti liputan kesihatan dan insurans, bonus tahunan, pembayaran ex-gratia dan juga subsidi pinjaman pengajian sekiranya wajar. Manfaat-manfaat ini, bersama tatadisiplin dan tatacara membuat aduan digariskan dalam "Buku Panduan Eksekutif" dan "Buku Panduan Syarat-Syarat Perjanjian Pekerjaan bagi Pekerja" yang disediakan untuk semua pekerja kumpulan TWP.

Gaya Hidup Sihat

Kami percaya bahawa pekerja sihat adalah pekerja yang produktif. TWP, melalui Kelab Sukan dan Rekreasi, telah menyediakan berbilang kemudahan bagi tujuan permainan, senaman dan juga rekreasi.

4. Dimensi Komuniti

Kami amat yakin bahawa sebagai warga korporat yang baik, kami hendaklah menambah nilai di komuniti tempat kami beroperasi sementara mendukung piawai kelakuan dan integriti yang tinggi dalam menjalankan urusan perniagaan kami. Kami menyumbang secara positif kepada komuniti melalui inisiatif-inisiatif utama yang berikut:-

Penggajian Tenaga Kerja Tempatan

Kami yakin dalam keupayaan dan kemahiran tenaga kerja tempatan kami dan setakat mana yang boleh, kami akan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada warga tempatan terlebih dahulu berbanding warga asing.

Inisiatif Pelaburan Komuniti

TWP telah lama menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada mereka yang kurang bernasib baik mahupun kurang upaya. Ini menggambarkan sikap prihatin kami dengan menghargai mereka sebagai sebahagian daripada tenaga kerja kami yang produktif.

5. Dimensi Alam Sekitar

TWP sentiasa sedar akan peranannya dalam mengekalkan dan mengurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar akibat aktiviti-aktiviti perniagaan kami. Kami sentiasa mengkaji cara-cara baru untuk mempromosi dan memelihara alam sekitar yang lebih hijau dengan memastikan sistem pengurusan sisa yang sesuai, mendukung konsep "Kurangkan, Kitar Semula dan Guna Semula" dan pelaksanaan program-program pemeliharaan tenaga secara progresif.

Pengurusan Sisa

Di bahagian pencetakan kami, kami memastikan sisa ditinggalkan kepada sisa berbahaya dan sisa tidak berbahaya pada waktu penjana. Untuk memelihara persekitaran, kerja-kerja pelupusan sisa berbahaya hanya boleh dijalankan oleh kontraktor berlesen yang telah berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar ("DOE"). Sambil memastikan sisa berbahaya dilupuskan dengan sempurna, kami juga berusaha ke arah mengawal dan menghadkan kuantiti sisa yang dijanakan daripada aktiviti-aktiviti kami.

Kurangkan, Kitar Semula dan Guna Semula

Semua sisa kertas dan kertas tebal dikitarkan semula ke kertas gred rendah untuk penggunaan semula oleh kontraktor yang dibenarkan demi menyokong usaha kami untuk menghidupkan alam sekitar. Sisa cecair yang dijanakan daripada operasi pencetakan kami, yang menggunakan pelbagai pelarut dan dakwat sedang dikitarkan semula dan digunakan sebagai ramuan untuk menghasilkan cat salut asas. Kami juga menggalakkan penggunaan kain lap bilas semula untuk membersihkan pengelek dan silinder pencetakan serta menggunakan semula palet yang dikembalikan oleh pelanggan kami. Sambil mengamalkan prinsip kitar semula dan penggunaan semula, kami juga mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan sisa kami.

Pemuliharaan Tenaga dan Pengurusan Air

Sumber tenaga dan air amat berharga dan TWP amat menghargainya dengan menetapkan langkah-langkah pemuliharaan untuk mengurangkan penggunaan elektrik dan air. Kami mengamalkan tabiat-tabiat kerja yang baik seperti "mematikan suis apabila tak diguna".

pembangunan sumber manusia

Memandangkan kami melangkah ke dalam alam dunia perniagaan yang semakin mencabar, pengurusan berkesan dan peningkatan kualiti modal manusia kami kekal menjadi keutamaan dan merupakan pemacu pertumbuhan yang utama bagi Kumpulan TWP menunaikan objektif-objektif perniagaannya. Dalam perkara ini, pihak pengurusan Syarikat turut memberi komitmen terhadap pembangunan Kumpulan Kepakarannya.

Pada tahun 2008, peningkatan selanjut telah dimulakan, khususnya dalam bidang program Pampasan dan Manfaat yang ditugaskan oleh Syarikat kepada Penasihat Sumber Manusia luar untuk melaksanakan kegiatan Penilaian Tugas bagi eksekutif kanannya. Peningkatan ini adalah sejajar dengan strategi Pampasan dan Manfaat Kumpulan TWP, direkabentuk untuk memastikan tenaga kerja mempunyai pampasan kompetitif di alam pasaran tenaga buruh yang kuat hari ini, di samping memastikan pertahanan dan pembangunan pekerja yang berbakat.

Aset paling bernilai bagi Syarikat adalah kakitangan kami. Pekerja turut menyumbang kepada kejayaan Syarikat dan kami memberi komitmen tinggi untuk memastikan mereka dapat menyertai latihan, peluang pembelajaran dan pembangunan dari masa ke masa. Program latihan yang dikendalikan oleh kumpulan sendiri dan latihan luar telah diadakan sepanjang tahun untuk memperkukuhkan daya persaingan dan kemampuan pekerja kami dan untuk memastikan mereka diberi peluang untuk perkembangan di dalam organisasi. Dalam suku ketiga tahun 2008, Syarikat telah melantik penasihat luar untuk mengadakan pelbagai latihan syarikat pada Kaizen kepada semua pekerja. Selepas latihan, pelbagai kumpulan kecil Kaizen telah dibentuk di seluruh organisasi untuk meninjau dan mempertingkatkan proses kerja semasa sejajar dengan alam dunia perniagaan pada masa kini. Sepanjang tahun ini, lebih kurang 45 program latihan yang disediakan khas telah dikendalikan bagi pekerja Kumpulan TWP, dengan penekanan pada perkembangan kemahiran dalam bidang teknikal, pengetahuan produk, teknologi maklumat, pengurusan operasi, perhubungan perindustrian, undang-undang/perundangan dan peraturan, keselamatan dan pengawalan perindustrian, kemahiran kewangan, kemahiran menjual, kemahiran penyeliaan, komunikasi dan kemahiran antara orang. Syarikat percaya dengan sesungguhnya bahawa tidak ada hadiah yang lebih bernilai berbanding pendidikan, dan dengan menaja pekerja yang berbakat untuk mengikuti kursus-kursus profesional seperti ACCA.

Sebagai usaha dalam memacu pembangunan modal manusia secara berterusan, TWP telah memanfaatkan sistem berkomputer ERP MasterPrint untuk meningkatkan pangkalan data pekerja, memudahkan akses maklumat masa nyata dan dapatan semula maklumat serta Penambahbaikan Proses Perniagaan untuk meningkatkan proses kerja.

Sebagai sebuah organisasi serantau, Kumpulan TWP menawarkan banyak peluang menyeberang sempadan kepada pekerja berbakat melalui program penukaran sementara atau program latihan teknikal pertukaran. Program ini mempunyai dua matlamat utama; untuk memperluaskan pekerja kami dengan pendedahan kepada amalan terunggul di operasi Vietnam, dan untuk menyumbang kepada operasi lain melalui kepakaran pekerja kami. Selain daripada menawarkan peluang penukaran sementara kepada pekerja kami kepada operasi lain, Syarikat juga melatih dan memperkembangkan pekerja berbakat dari operasi Vietnam yang diambil oleh Syarikat melalui penukaran sementara. Ini merupakan usaha memanfaatkan kedua-dua pihak memandangkan pekerja penukaran sementara dari operasi lain dapat mengongsikan pengalaman dan kemahiran kepakaran mereka dengan pekerja berbakat kami di sini. Ini dapat memberi dorongan kepada mereka untuk berusaha gigih lagi demi keunggulan prestasi. Selain itu, Syarikat juga telah memperkenalkan Skim Latihan Teknikal bagi tempoh lima tahun bagi pelatih pengeluaran di mana mereka dikehendaki menghadiri kelas dan juga menjalani latihan kerja. Selepas penyempurnaan skim ini, pelatih pengeluaran akan menamatkan kursusnya dengan satu kerjaya yang berpotensi tinggi, berganding dengan peluang pembelajaran, pembangunan berterusan untuk mengesahkan kejayaan tanpa batasan.

Di kumpulan TWP, kami menggalakkan komunikasi terbuka di antara pihak berperingkat berlainan. HR Newsdesk bulanan dan mesyuarat Kaizen kecil berfungsi sebagai satu platform yang pekerja dapat dimaklumkan tentang perkembangan terkini di Syarikat dan diberi peluang untuk memahami hala tuju Syarikat secara mendalam dan juga berupaya menjajarkan harapan mereka terhadap matlamat dan strategik Syarikat. TWP sentiasa berusaha untuk memperoleh dan bertindak terhadap maklum balas bekas pekerja melalui Kotak Cadangan yang diletakkan di lokasi strategik memandangkan ini dianggap sebagai cara sihat untuk mempertingkatkan komunikasi di antara pihak pengurusan dan pekerja.

pembangunan sumber manusia

Perkhidmatan tempoh panjang dengan Syarikat turut dihargai secara ketara pada 20 dan 30 tahun dengan insentif tunai dan pesara dengan satu set loket emas ditanam dengan logo TWP dan rantai leher. Pada tahun 2008, Syarikat telah menganugerahkan 10 orang pekerja bagi kesetiaan dan komitmen mereka terhadap organisasi. Kumpulan TWP juga memastikan kesejahteraan dan kesihatan pekerja kami dijaga dengan baik melalui penawaran manfaat pekerja Syarikat yang termasuk penjagaan perubatan dan penginapan hospital, insuran kemalangan peribadi, cuti bersalin dan cuti menjadi ayah. TWP juga mengakui bahawa pekerja harus sentiasa aktif dan sihat, dengan ini mereka digalakkan menyertai dalam aktiviti sukan yang dianjurkan oleh Kelab Rekreasi TWP yang Syarikat menaja sebahagian sumbangan bulannya.

Sebagai warga korporat yang prihatin, pendirian TWP dalam pengendalian perniagaannya adalah agar sentiasa menyumbang balik kepada masyarakat. Komitmennya terhadap tanggungjawab sosial korporat terpahat kukuh dalam falsafah korporatnya dan Kumpulan telah menyediakan peluang pekerjaan terutamanya untuk orang muda kurang upaya dari Malaysian Care dan seorang operator telefon yang cacat penglihatannya demi kebaikan masyarakat kami, demi masa depan yang lebih baik.

Diari Korporat bagi Hubungan Pekerja

24 Mei 2008

5S-Menghala ke Alam Berkualiti

Syarikat telah melancarkan kempen "Gotong Royong" di seluruh organisasi. Insentif tunai dihadiahkan kepada jabatan yang paling unggul dalam penjagaan kebersihan dan pekerja berdasarkan aktiviti HSE yang dijalankan.

8 Ogos 2008

Satu taklimat diadakan dengan semua eksekutif, mandur dan ahli jawatankuasa kesatuan kumpulan sendiri untuk memperkenalkan "Kaizen" atau seperti yang ditetapkan untuk peningkatan keunggulan prestasi.

Kumpulan menyilang fungsian turut dibentuk dengan tujuan mempertingkatkan proses atau masalah yang dikenalpasti di dalam bidang tertentu atau untuk mempertingkatkan kos, kualiti, penghantaran dan respons terhadap keperluan pelanggan.

20 Ogos – 20 September 2008

Sebagai sebuah organisasi serantau, Syarikat telah melatih dan membangunkan pekerja berbakat dari operasi milikan sepenuhnya di Vietnam dan menyertai program penukaran sementara di Syarikat dengan menjalani program latihan pertukaran selama 1 bulan.

9 Oktober 2008

Pelantikan Ketua Perniagaan Kotak Bercetak dan Label, En Stanley Mark Mitchell telah diperkenalkan oleh Pengerusi Eksekutif, Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff secara tidak rasmi di kantin kepada semua eksekutif, mandur dan Jawatankuasa Kesatuan Kumpulan.